


# Sosialis



**JANGAN BIAR  
DEMOKRASI DICULIK**

**JOM TURUN KE JALAN**



baca lanjut di m/s 8 & 9



**Himpunan  
1000 Pejuang**

> m/s 16



**Pekerja kontrak  
tuntut keadilan**

> m/s 11

**Ada apa dengan  
Bajet 2017?**

> m/s 4



**Corbyn  
menang lagi**

> m/s 13

**Rumah  
untuk rakyat**

> m/s 10

# Orang Asli Gua Musang pertahan hutan & tanah adat

baca lanjut di m/s 6

# DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

**Parti Sosialis Malaysia (PSM)** adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlek mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

## Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah genggaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

## Matlamat PSM

★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.

★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.

★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.

★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.

★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.

★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrasi dan kapalsuan.

★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.

★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuhan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjaminkan hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.

★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.

★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.

★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.



- ★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- ★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinasaan.
- ★ Mengurangkan biroaksi dan menghapuskan karenah biroaksi yang mengekang pembangunan.

## Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihankekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.


Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyeleweng dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Alamat ibupejabat PSM:  
**Parti Sosialis Malaysia**  
140A, Jalan Sultan Abdul Samad,  
Brickfields,  
50470 Kuala Lumpur.  
Tel/Faks: 03-22762247  
Email: pusat@partisosialis.org  
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan,  
sila buat cek atas nama:  
Parti Sosialis Malaysia  
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif

untuk masyarakat Malaysia.

<https://gabungankiri.wordpress.com/>

## DARI MEJA PENGARANG

Himpunan BERSIH menjelang lagi pada bulan November ini. Ini merupakan aksi massa yang kelima anjuran Gabungan BERSIH dalam menuntut pilihanraya yang bersih dan adil. Gerakan BERSIH merupakan gerakan rakyat yang terbesar dalam satu dekad yang lepas ini, mampu menggerakkan puluhan ribu hingga ratusan ribu rakyat Malaysia untuk memperjuangkan demokrasi. Himpunan BERSIH 5 yang akan datang ini pastinya akan menjadi satu lagi medan rakyat menyuarakan aspirasi kita untuk ruangan demokrasi yang lebih meluas. Himpunan BERSIH 5 juga akan menjadi referendum di jalanan terhadap pentadbiran UMNO-BN pimpinan Najib.

Kerajaan UMNO-BN pimpinan Najib semakin hari semakin kehilangan kepercayaan rakyat, tetapi masih dapat memegang pada kekuasaannya kerana adanya sistem politik yang dipesongkan untuk menjaga kepentingan segelintir kecil elit pemerintah yang berkuasa. Sistem yang dipesongkan ini termasuklah sistem pilihanraya negara kita yang dimanipulasi dan dipergunakan untuk memperkuuhkan kekuasaan parti pemerintah, bukannya untuk memulihara demokrasi politik yang sebenar. Persempadan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) baru-baru ini jelas menunjukkan SPR yang sepatutnya bebas dan berkecuali telah menjadi alat parti pemerintah untuk kekal berkuasa dengan memanipulasikan persempadan semula bagi mewujudkan lebih kerusi yang boleh dikuasai oleh parti pemerintah. Pilihanraya tidak mungkin akan menjadi bebas dan bersih sekiranya institusi yang mengelolakan pilihanraya itu tidak bebas daripada kongkongan parti pemerintah.

Dalam aspek ekonomi pula, negara kita semakin terjerumus dalam krisis ekonomi yang mendalam, akibat daripada krisis sistem kapitalis global dan juga pengurusan ekonomi negara yang penuh kepincangan oleh pemerintahan UMNO-BN. Bajet 2017 yang dikemukakan baru-baru ini jelas menunjukkan bahawa negara kita semakin kekontingen dana untuk pembangunan dan peruntukan untuk kebajikan rakyat. Gula-gula yang diberikan tidak mampu menyelesaikan masalah beban hidup yang semakin hebat dan ketidakadilan sosial yang berleluasa.

Golongan pekerja dan rakyat miskin sering dimangsakan dalam keadaan krisis ekonomi melanda. Oleh sebab itu, PSM sedang giat berkempen menuntut penubuhan Tabung Pemberhentian Kerja supaya pekerja dapat dilindungi apabila kehilangan kerja akibat krisis ekonomi. Walaupun kerajaan mengatakan bahawa akan mewujudkan skim insurans pekerjaan atas desakan rakyat, tetapi Bajet 2017 langsung tidak menunjukkan keikhlasan kerajaan dalam melaksanakan skim sedemikian kerana tiada satu sen pun diperuntukkan untuk mewujudkan skim sedemikian.

Perjuangan rakyat menuntut demokrasi dan keadilan sosial perlu diteruskan. Dalam keadaan di mana kerajaan UMNO-BN semakin menutup ruang demokrasi dan pihak pembangkang pula tidak mampu menawarkan satu alternatif yang jelas, adalah begitu mustahak untuk rakyat berorganisasi dari bawah untuk membawa tuntutan kita ke depan. Hanya kuasa rakyat dari bawah dapat menyelamatkan negara kita dan rakyat sendiri daripada kehancuran. ##

## Langganih Akhbar: Sosialis: Sekarang!

■ Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda,  
■ maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

■ Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12  
■ keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

■ Nama: \_\_\_\_\_

■ Alamat: \_\_\_\_\_

■ Telefon: \_\_\_\_\_

■ Faks: \_\_\_\_\_

■ Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

■ Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**

■ 140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields

■ 50470 Kuala Lumpur

■ Tel/Faks: 03-22762247

■ Laman web: <http://partisosialis.org/>

## Peserta aksi bantah GST dilepaskan



Pada 13 Oktober yang lalu, Mahkamah Sesyen di Petaling Jaya telah memutuskan untuk melepaskan tanpa membebaskan 79 orang yang ditangkap tahun lepas dalam satu aksi membantah pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Seramai 79 orang telah ditangkap dan didakwa kerana melakukan aksi bantahan terhadap GST pada 23 Mac 2015 di Kompleks Kastam Kelana Jaya. Mereka telah didakwa atas pertuduhan pencerobohan jenayah dan mengingkari arahan polis supaya bersurai. Hampir 100 orang telah berkumpul di Kompleks Kastam Kelana Jaya pada hari itu untuk menanyakan 106 soalan kepada pegawai Kastam berkenaan dengan

kemusyikan orang awam tentang GST. Namun, persoalan yang ditanya oleh peserta aksi tidak mendapat jawapan, malah pihak polis telah melakukan tangkapan ke atas mereka.

Setelah 3 surat perwakilan dihantar kepada Peguam Negara, pihak pendakwaraya akhirnya memohon untuk melepas tanpa membebaskan kesemua tertuduh. Hakim telah memutuskan kesemua tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan. Wang ikit jamin juga dipulangkan.

Setelah lebih setahun kes disebut dalam Mahkamah Sesyen Petaling Jaya, akhirnya mendapat satu penyelesaian untuk sementara waktu.

## Aduan polis terhadap Pengarah JPNK



Pada 16 Oktober yang lalu, cawangan-cawangan PSM di seluruh negara membuat aduan polis terhadap Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) yang bertindak menafikan hak Orang Asli di kawasan pedalaman Gua Musang.

## Bantah persempadanan semula

Pada 14 Oktober yang lalu, wakil PSM menyampaikan petisyen bantahan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Selangor di Shah Alam, bagi membantah persempadanan semula kawasan Parlimen Hulu Langat dan Subang. PSM telah mengutip sebanyak lebih 100 tandatangan pengundi di kedua-dua kawasan Parlimen Subang dan Hulu Langat.

Amat jelas sekali bahawa kedua-dua kawasan DUN yang menyumbangkan undi terbesar kepada pembangkang, iaitu Kajang dan Bukit Lanjan telah dikeluarkan terus dari sempadan Parlimen Hulu Langat dan Subang masing-masing. Mereka yang berkuasa bersedia berbuat apa sahaja untuk menambahkan peluang mereka mendapat semula kerusi bagi parti pemerintah BN.

## PPR Sek 8 Kota Damansara tuntut campurtangan MB selesai masalah


Pada 21 Oktober yang lalu, penduduk-penduduk dari PPR (Projek Perumahan Rakyat) Seksyen 8 Kota Damansara, Selangor, telah menyerahkan memorandum kepada Menteri Besar Selangor di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor.

Sehari sebelum itu, apabila tersebarnya berita bahawa penduduk PPR Kota Damansara akan ke SUK, pelbagai pihak mula gelabah.

Pihak yang menguruskan PPR, iaitu syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor yang bernama Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) telah cuba untuk membatalkan hasrat penduduk ke Pejabat SUK. Syarikat tersebut amat terdesak sehingga menyatakan kepada wakil penduduk bahawa Menteri Besar sudah mengarahkan supaya memorandum itu disampaikan kepada mereka sahaja, dan tidak payah pergi ke SUK. Mereka siap keluarkan surat lagi. Akan tetapi, para penduduk hendak buat aduan terhadap PHSSB, takkan nak serahkan memorandum kepada PHSSB pula?

Media Selangor pula cuba merisik mengenai isu ini dengan pebagai panggilan. Adun BN Kota Damansara pun mula terasa tekanan, dan ingin tahu tujuan para penduduk.

Apabila dah sampai di lobi SUK, tidak berhenti-henti pegawai keselamatan SUK bertanyakan hasrat penduduk yang menyerahkan memorandum ini. Para penduduk memberitahu bahawa mereka hanya mahu sampaikan memorandum, dan sememangnya sudah pun dimaklumkan kepada Pejabat Menteri Besar terlebih dahulu.



Tiba-tiba turun pula Pegawai PHSSB, kononnya dia yang mewakili Menteri Besar untuk menerima memorandum. Apabila pihak penduduk sudahpun sedar tentang corak permainan PHSSB, mereka tidak layan langsung dan meneruskan sidang akhbar.

Selepas desakan daripada pihak penduduk, wakil Ketua Setiausaha Sulit Menteri Besar, Mohd. Shahrizal pun turun menerima memorandum dan mendengar penerangan daripada penduduk.

Pelik sungguh gelagat PHSSB, begitu takut sekali dengan permasalahan di PPR itu akan terbongkar. Kalau tidak buat silap, kenapa takut sangat?

Persatuan Penduduk PPR juga menyampaikan lebih 300 tandatangan sokongan kepada memorandum ini.

Penduduk-penduduk PPR Seksyen 8 Kota Damansara menghadapi masalah sewa dan pengurusan PPR mereka, maka mereka menuntut campurtangan daripada Menteri Besar untuk menyelesaikan masalah yang berlarutan itu.

Masalah penduduk PPR yang merupakan rakyat marhaen berpendapatan rendah haruslah diambil serius dan diberikan segala peluang untuk membangkitkan isu mereka.



## Meja bulat Dasar Pekerja Migran

PSM bersama dengan Gabungan Menuntut Hak Pembelaan untuk Pekerja Migran telah menganjurkan siri perbincangan meja bulat dalam 3 bulan yang lepas. Siri perbincangan meja bulat tersebut bertujuan untuk merangka cadangan berkenaan dengan penggubalan dasar migrasi buruh yang komprehensif.

Persidangan meja bulat yang ke-3 dan ke-4 telah diadakan di Universiti Malaya pada 12 Oktober yang lalu, dengan membincangkan topik tentang "keselamatan sosial, perumahan dan kesihatan untuk pekerja migran" dan "hak untuk

kanak-kanak, keluarga dan sosio-budaya migran". Persidangan ini telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada jabatan kerajaan yang berkaitan, badan-badan bukan kerajaan yang terlibat dalam isu pekerja migran, kedutaan negara penghantar pekerja dan juga ahli-ahli akademik.

Menurut Rani Rasiah, Penyelaras Meja Migran PSM, "kami berharap mengemukakan cadangan-cadangan yang berasas kepada kementerian yang berkenaan, tetapi perubahan kepada dasar hanya akan berlaku dengan adanya tekanan daripada masyarakat umum."

## Mesyuarat NC ke-24

Mesyuarat Jawatankuasa Nasional (NC) PSM yang ke-24 telah diadakan di Kajang pada 9 Oktober yang lalu. Mesyuarat tersebut telah membincangkan cadangan untuk kempen perumahan kos rendah, senario politik semasa dan Kempen Tabung Pemberhentian Kerja.




# Bajet 2017 hanya tinggal retorik politik

Semasa membentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober yang lalu di dalam Dewan Rakyat, Najib Razak, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, telah mengisi ucapannya dengan pantun, slogan politik, sindiran terhadap pembangkang, retorik dan sebagainya, tetapi terlupa tentang membentangkan hujah dan halal tuju sosio-ekonomi negara yang dapat menyakinkan rakyat. Barangkali Najib ingat ini adalah ceramah politik UMNO yang bertujuan untuk menghiburkan penyokongnya, bukan satu sesi pembentangan belanjawan yang serius untuk kepentingan rakyat seluruh negara.

Berbeza dengan bajet tahun-tahun sebelum ini, amat jelas Bajet 2017 tidak mempunyai pengumuman mengejut untuk projek mega yang makan berbilion-bilion ringgit. Ini bukan disebabkan pemerintahan

UMNO-BN telah sedar bahawa wang rakyat dibazirkan dalam projek-projek mega sebelum ini, tetapi hanya petunjuk bahawa memang situasi kewangan kerajaan amat membimbangkan.

Dalam Bajet 2017, dijangkakan jumlah peruntukan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada tahun depan adalah RM 260.8 bilion, di mana sebanyak RM 214.8 bilion, atau 82.36%, diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus; manakala hanya RM 46 bilion diperuntukkan sebagai perbelanjaan pembangunan, kurang sebanyak RM 6 bilion berbanding tahun sebelum ini. Hasil pendapatan Kerajaan Persekutuan dijangkakan sebanyak RM 219.7 bilion, mendatangkan satu lagi bajet yang defisit. Dijangkakan defisit belanjawan Kerajaan Persekutuan adalah 3% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).



## Negara pendapatan sederhana tinggi?

Najib menyifatkan negara Malaysia sebagai negara berpendapatan sederhana tinggi. KDNK per kapita telah bertambah daripada USD 23,100 pada tahun 2012 kepada USD 26,891 pada tahun 2015. Namun, panggilan "negara pendapatan sederhana tinggi" tidak membawa apa-apa makna kepada golongan pekerja yang menerima gaji pada paras gaji minimum di negara kita. Cuba tanya pada puluhan ribu pekerja-pekerja kontrak yang bekerja di sekolah dan hospital kita, adakah mereka merasakan mereka sedang hidup dalam negara pendapatan sederhana tinggi?

Gaji minimum hanya diselaraskan dengan peningkatan RM 100 selepas 3 tahun setengah, gaji sebenar tidak pernah naik, tiada

jaminan pekerjaan, tambahan pula dengan cukai GST, kenaikan harga barang dan hutang yang perlu dibayar setiap bulan, "negara pendapatan sederhana tinggi" memang bukan sesuatu yang boleh dibanggakan oleh golongan pekerja di negara kita.

Lebih-lebih lagi, hanya 2.1 juta daripada jumlah 14.6 juta tenaga kerja di negara kita memperoleh pendapatan yang mencukupi untuk layak membayar cukai pendapatan, iaitu hanya 14% daripada jumlah tenaga kerja. Bolehkah negara kita tergolong sebagai negara pendapatan sederhana tinggi dengan 86% tenaga kerja kita masih berpendapatan tidak mencelik tahap yang layak membayar cukai pendapatan?

## Beban rakyat diUBERkan

Dalam ucapan pembentangan Bajet 2017, Najib berkata, "bagi membantu B40 (golongan berpendapatan paling rendah 40%) khususnya penerima BR1M menjana pendapatan tambahan, Kerajaan menggalakkan penyertaan mereka sebagai pemandu *ride-sharing* seperti pemandu UBER, terutama bagi pemilik kenderaan sendiri." Maksud tersirat dalam kenyataan ini adalah kerajaan melepaskan tangannya daripada tanggungjawab untuk mewujudkan keadilan sosial melalui pembentukan dasar ekonomi yang pro-rakyat, dan semuanya ditolak kepada rakyat bawahan untuk mencari jalan keluar secara sendiri dengan terus menjadi alat menjana keuntungan bagi korporat swasta.

"Pendapatan boleh mencecah RM1,500 sebulan sekiranya memandu separuh masa antara 10 hingga 40 jam seminggu dan RM4,300 sekiranya melebihi 40 jam seminggu," begitu kata Najib semasa membentangkan Bajet 2017. Persoalannya, adakah RM 4,300 sudah ditolak bayaran minyak petrol? Bagaimana pula dengan bayaran untuk servis kereta supaya memastikan ia dapat berjalan lebih 40 jam seminggu tanpa berlakunya kerosakan? Adakah pemandu UBER dilindungi dengan caruman KWSP dan PERKESO? Jika semua orang menjadi pemandu UBER, siapa pula yang menjadi penumpang? Adakah galakan untuk menjadi pemandu

UBER dan menggunakan perkhidmatan *ride-sharing* ini akan menjelaskan usaha dalam mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang membawa penumpang pada skala yang besar? Nampaknya pemimpin nombor satu yang menjaga kewangan negara kita langsung tidak memikirkan persoalan-persoalan ini.

Ada lagi satu persoalan penting, berapa B40 di negara kita yang mempunyai kereta yang berumur tidak melebihi 8 tahun? Nampaknya Najib ada memikirkan persoalan ini, kerana katanya, "bagi mereka yang tidak memiliki kenderaan, bayaran pendahuluan boleh dibuat menggunakan BR1M dan rebat sebanyak RM4,000 ringgit bagi pembelian kereta Proton Iriz." BR1M yang sepatutnya diberikan untuk mengurangkan beban kehidupan harian keluarga berpendapatan rendah habis digunakan untuk membayar pendahuluan kereta, tinggal apa untuk B40? Selepas bayar pendahuluan dan dapat rebat RM 4,000, pinjaman atau ansuran masih perlu dibayar setiap bulan, dengan wang siapa kalau bukan wang golongan B40 itu sendiri?

Secara ringkasnya, cara penyelesaian masalah B40 yang disarankan oleh Najib dalam Bajet 2017 adalah "beban rakyat diUBERkan, pembelian kereta diBR1Mkan!"

## Gula-gula tahunan masih tidak selesai masalah ketidakadilan sosial

Seperti biasa dalam pembentangan Bajet setiap tahun, kerajaan akan mengumumkan pemberian gula-gula kepada rakyat, khususnya gula-gula untuk menghadapi pilihanraya. "Bantuan Rakyat 1Malaysia" (BR1M) telah menjadi gula-gula yang amat berkesan untuk pentadbiran Najib. Kerajaan akan menaikkan bayaran BR1M pada tahun depan. Untuk keluarga berpendapatan bulanan kurang daripada RM 3000, akan mendapat bayaran BR1M sebanyak RM 1200, meningkat sebanyak RM 200. Orang dewasa yang bujang pula akan mendapat BR1M sebanyak RM 450, naik sebanyak RM 50 sahaja. Walau bagaimanapun, kenaikan dalam bayaran BR1M kali ini tidak begitu mengejutkan. Malah, ada yang berpandangan bahawa pemberian gula-gula dalam Bajet 2017 tidak begitu banyak seperti Bajet pilihanraya sebelum ini. Oleh sebab

tiadanya petunjuk yang jelas dalam pemberian gula-gula dalam Bajet 2017, khabar angin untuk pilihanraya umum berlangsung pada tahun 2017 masih menjadi tanda soal.

Semasa kerajaan beria-ia untuk memberi gula-gula melalui Bajet, isu pokok ketidakadilan sosial dan masalah tekanan hidup harian golongan berpendapatan rendah masih tidak lagi dapat diselesaikan secara berkesan. Walaupun Kementerian Sumber Manusia mengatakan akan membentangkan rang undang-undang untuk mewujudkan Skim Insurans Pekerjaan pada tahun depan, tetapi skim tersebut langsung tidak disebut dalam pembentangan Bajet 2017, bahkan satu sen pun tidak diperuntukkan untuk mewujudkan skim sebegini.

## Ada apa dengan TN50?

Semasa pembentangan Bajet 2017, Najib mengumumkan wacana nasional baru yang bergelar Transformasi Nasional 2050 (TN50). Wawasan 2020 tidak disebut lagi walaupun hanya tinggal 4 tahun menjelang 2020, tetapi melontarkan pula TN50. Amat jelas Najib hendak menjarakkan dirinya daripada Mahathir yang sudah menjadi musuh ketaranya. Namun, kita sudah disajikan dengan pelbagai jenama sejak Najib menjadi Perdana Menteri - 1Malaysia, Model Ekonomi Baru, GTP, ETP dan sebagainya, semuanya hanya jenama yang berbunyi sedap sedangkan tiada intipati yang konkret untuk membawa negara ke depan.

Setelah satu ucapan yang penuh dengan retorik politik dan pertunjukan sarkas dalam pembentangan Bajet 2017, rakyat biasa akan terus berdepan dengan keadaan ekonomi

yang tidak menentu, beban hidup yang semakin hebat, pemerasan yang tidak berhenti-henti... "Mensejahtera kehidupan rakyat seluruh" bukannya matlamat pemerintahan UMNO-BN di bawah pimpinan Najib tetapi hanya untuk survival politik dan peluang mencuri kekayaan negara bagi segelintir elit politik. Kesejahteraan yang berkekalan hanya dapat wujud dengan menggantikan pemerintahan yang sedia ada dengan kerajaan yang benar-benar pro-rakyat melalui perjuangan rakyat yang berterusan. ##



# Semalam dibelasah samseng, hari ini ditahan polis pula

Pada 13 Oktober yang lalu, samseng-samseng upahan pemaju Delscorn Properties dengan penuh biadap telah ingkar arahan mahkamah dengan menceroboh dan cuba memusnahkan tanaman yang diusahakan petani di Mambang Diawan, Kampar, Perak.

Para petani cuba menghalang perbuatan tersebut dan seorang petani wanita berumur 65 tahun telah ditolak sehingga jatuh atas jalanraya. 3 orang lagi petani juga mengalami kecederaan semasa



mempertahankan hak mereka.

Mereka kemudiannya membuat aduan polis berkenaan isu tersebut. Pada 14 Oktober, sekitar jam 3.30 petang, 7 orang petani telah hadir ke Ibupejabat Polis Daerah Kampar setelah diminta untuk memberi keterangan. Namun, dengan tiba-tiba mereka ditahan polis bagi siasatan di bawah seksyen 147 atas alasan melakukan rusuhan!

Pihak Polis Daerah Kampar memaklumkan juga bahawa polis akan menahan 8 orang samseng Delscorn yang terlibat dalam peristiwa sehari sebelum itu.

2 orang daripada kalangan petani yang ditahan kini berumur lebih 60 tahun, 2 orang lagi berumur lebih 50 tahun. Apakah pihak polis sanggup membiarkan 4 orang warga emas ini

ditahan dalam kesejukan di lokap malam ini?

Mahkamah Majistret Kampar menetapkan 27 Oktober 2016 bagi mendengar aduan petani terhadap pemaju Delscorn yang mengganggu keamanan di kawasan ini. Saman ini telah pun diserahkan secara rasmi kepada pihak Delscorn dan 3 memorandum telah pun diserahkan oleh petani kepada Ketua Polis Negeri Perak.

PSM telah mendesak pihak polis supaya segera mengambil keterangan yang diperlukan dan membebaskan segera kesemua tahanan ini. Pihak polis juga harus membuktikan ketelusan dengan menyiasat keganasan yang dilakukan pihak samseng Delscorn Properties dengan segera dan tanpa berat sebelah!

Pada 10.30 malam 14 Oktober, polis telah membebaskan satu-satunya



wanita yang ditahan, setelah diambil keterangan. 6 orang petani lagi telah dibawa ke hadapan Majistret pada hari keesokannya untuk permohonan reman. Majistret telah membenarkan reman 3 hari untuk 6 orang petani. Namun demikian, keenam-enam orang petani yang ditahan telah dibebaskan beberapa jam selepas itu, iaitu pada lewat petang 15 Oktober setelah selesai pengambilan keterangan.

Petani Mambang Diawan bertekad untuk melawan pengusiran paksa demi mempertahankan hak mereka untuk bercucuk tanam. ##

## Hentikan kezaliman terhadap Rohingya

Parti Sosialis Malaysia (PSM) bersama dengan beberapa organisasi masyarakat di Malaysia telah menyerahkan satu memorandum kepada Kedutaan Myanmar di Kuala Lumpur pada 18 Oktober yang lalu dengan seruan pada kerajaan Myanmar supaya menghentikan segala bentuk kezaliman terhadap masyarakat Rohingya di negara tersebut. Selain PSM, wakil-wakil daripada SUARAM, Penang Stop Human Trafficking Campaign (PSHTC), Migrant Care, Rohingya Society of Malaysia (RSM), IKRAM, Pemuda PSM dan Persatuan Kebajikan Orang-orang Miskin Malaysia turut hadir semasa penyerahan memorandum.

Memorandum inisiatif PSM dan disokong oleh 35 organisasi ini telah menyatakan kebimbangan tentang keganasan dan penindasan kejam yang semakin serius baru-baru ini ke atas orang Rohingya yang tinggal di Negeri Rakhine, Myanmar.

Tentera Myanmar telah bertindak semakin ganas dan menguasai kawasan sekitar Maungdaw, selepas berlakunya serangan oleh kumpulan penyerang yang tidak dikenali ke atas pusat kawalan tentera di sempadan pada 9 Oktober yang lalu. Pihak berkuasa Myanmar telah menuduh bahawa orang Rohingya yang melakukan serangan tersebut dan membalaik dendam ke atas semua orang Rohingya yang tinggal di situ. Terdapatnya laporan tentang pembunuhan, perogolan, penculikan, pengusiran paksa, pemukulan, pembakaran rumah kediaman dan tindakan keganasan yang bertujuan untuk menakut-takutkan masyarakat Rohingya. Oleh yang demikian, PSM bersama dengan organisasi masyarakat di Malaysia yang prihatin pada situasi masyarakat Rohingya dan perkembangan di Myanmar telah menyeru kepada semua pihak yang berkenaan untuk menghentikan keadaan teruk ini dengan serta-merta.

Ini bukan kali pertama berlakunya keganasan negara terhadap masyarakat Rohingya. Wujudnya keganasan, diskriminasi dan penindasan secara sistematis oleh kerajaan Myanmar ke atas masyarakat Rohingya sejak beberapa dekad yang lalu. Ramai telah dibunuhi dan dizalimi. Puluhan ribu orang Rohingya terpaksa lari meninggalkan kampung halaman mereka, dan selalunya pelarian Rohingya terjebak dalam perangkap pemerdagangan manusia. Lebih-lebih lagi, masyarakat Rohingya telah dikecualikan daripada Perlembagaan Myanmar, menyebabkan mereka dinafikan hak kewarganegaraan dan menjadikan mereka tidak bernegara.

Kerajaan Myanmar perlu bertanggungjawab sepenuhnya kepada keadaan masyarakat Rohingya hari ini. Kerajaan Myanmar telah gagal melindungi hak asasi masyarakat Rohingya dan membenarkan segala bentuk kezaliman berlaku. Peristiwa keganasan yang berlaku baru-baru ini, menimbulkan kebimbangan bahawa akan berlaku lagi lebih banyak pembunuhan, keganasan, kemusnahan dan perampasan tanah yang dibenarkan oleh negara Myanmar, memaksa lebih ramai lagi orang Rohingya melarikan diri dari kampung halaman mereka. Ini akan mendatangkan lagi lebih banyak krisis kemanusiaan untuk masyarakat Rohingya dan juga rantau ini.

Tuntutan yang dikemukakan kepada kerajaan Myanmar dalam memorandum yang disokong oleh 35 buah organisasi di Malaysia adalah:

- Hentikan segera pembunuhan dan keganasan di Negeri Rakhine.
- Hormati, kembalikan dan lindungi hak dan kebebasan asasi orang Rohingya, termasuk mengiktiraf semula mereka sebagai warganegara dengan hak

sepenuhnya untuk kebebasan bergerak, berkahwin, pendidikan, kesihatan, keadilan, perlindungan dan sebagainya.

- Percepatkan kerja Suruhanjaya Penasihat Negara yang terdiri daripada 9 orang dan dipengerusikan oleh Kofi Annan, yang ditugaskan untuk mencari penyelesaian untuk situasi di Negeri Rakhine. Suruhanjaya ini patut membantu dalam memastikan bahawa:

- Mana-mana orang yang terlibat dalam pembunuhan, perogolan, penculikan atau apa-apa pencabulan ke atas hak asasi rakyat perlu dibawa ke muka pengadilan;
- Semua harta dan tanah yang dimusnahkan dalam keganasan perlu dipulihkan kepada pemilik sah dan pampasan dibayar;
- Sesiapa yang mengapi-apikan rasisme dan kebencian kaum harus ditahan dan didakwa;
- Langkah-langkah diambil untuk memulihkan dan mengintegrasikan semua pelarian yang berada di dalam dan di luar negara yang melarikan diri disebabkan konflik di Negeri Rakhine.
- Batalkan semua sekatan terhadap bantuan kepada Negeri Rakhine dan benarkan akses penuh kepada Rohingya untuk bantuan antarabangsa dan liputan media.

PSM dan organisasi masyarakat di Malaysia juga menyeru pada kerajaan-kerajaan ASEAN dan pihak yang berkenaan untuk mengambil langkah-langkah segera untuk memudahkan proses mewujudkan perdamaian yang berkekalan untuk konflik di Negeri Rakhine. Kerajaan ASEAN, termasuk Malaysia, perlu mengiktiraf hak asasi pelarian, termasuk pelarian Rohingya, dan memberikan bantuan kemanusiaan yang sesuai kepada mereka yang



melarikan diri daripada konflik yang dahsyat.

Dr. Jeyakumar Devaraj (Ahli Parlimen Sungai Siput merangkap AJK Pusat PSM) dan Sevan Doraisamy (Pengarah Eksekutif SUARAM) telah hadir bersama semasa penyerahan memorandum di Kedutaan Myanmar.

Tin Win Aung, Setiausaha Pertama Kedutaan Myanmar dan beberapa orang pegawainya telah keluar untuk merima memorandum tersebut. Wakil PSM dan organisasi masyarakat yang hadir telah menyatakan dengan jelas tentang kekhawatiran umum tentang keselamatan masyarakat Rohingya di Rakhine. Mereka berharap Kerajaan Myanmar akan memainkan peranannya dalam menjamin ketenteraman dan hak asasi manusia di kawasan Rakhine.

PSM dan organisasi masyarakat sivil Malaysia telah mengesyorkan satu pasukan pemantau daripada Pertubungan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) diizinkan untuk masuk ke kawasan Rakhine supaya mereka boleh menenangkan kerisauan umum di ASEAN tentang konflik di situ. Terdapat juga cadangan untuk lawatan oleh pasukan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dari Malaysia ke Myanmar termasuk Negeri Rakhine supaya bertemu dengan rakyat di situ untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang situasi di situ. ##

# Orang Asli Gua Musang sekat jalan Pertahanan hutan dan tanah adat

Orang Asli sekat jalan untuk mempertahankan tanah adat daripada terus dihancur pembalakan berleluasa. Orang Asli dari 33 buah kampung yang terletak di kawasan Hutan Simpan Balah telah bersepakat untuk mengadakan sekatan jalan di laluan antara Pos Tohoi menuju Pos Gob, sejak 27 September yang lalu, demi menghalang pembalakan berleluasa yang mengancam kehidupan masyarakat Orang Asli. Orang Asli yang terdiri daripada suku kaum Temiar ini bertekad untuk mempertahankan tanah adat mereka daripada dihancurkan oleh kerakusan golongan kapitalis.

Pada 28 September yang lalu, berlakunya peristiwa di mana pihak syarikat pembalakan mengancam Orang Asli yang menyekat jalan. 3 orang Orang Asli telah ditahan seketika oleh individu yang mengatakan diri mereka adalah polis. Kerajaan Negeri Kelantan telah mengarahkan supaya projek pembalakan di kawasan itu diberhentikan sementara bagi meredakan keadaan. Namun, kontroversi pembalakan di kawasan Orang Asli di Kelantan hanya dapat diselesaikan dengan Kerajaan Negeri benar-benar mendengar keluhan masyarakat Orang Asli dan memahami tuntutan masyarakat Orang Asli untuk mempertahankan tanah adat mereka.



Menurut Mustafa Along, Setiausaha Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan (JKOAK), Orang Asli di situ akan terus mengadakan sekatan jalan sehingga semua akiti pembalakan diberhentikan di kawasan Orang Asli.

Namun, malangnya pihak Kerajaan Negeri Kelantan tidak menunjukkan keikhlasannya dalam mendengar tuntutan Orang Asli dan mencari jalan penyelesaian yang adil. Pada 11 Oktober yang lalu, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK)

pula membuat sekatan yang menghalang jalan masuk ke perkampungan Orang Asli di Pos Tohoi dan Pos Simpor. Bekalan makanan untuk Orang Asli tidak dibenarkan dibawa masuk. Begitu juga dengan peguam dan wartawan juga dilarang.

Amat jelas bahawa JPNK yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga hutan-hutan di Kelantan telah membenarkan aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Balah yang memusnahkan khazanah dan ekologi hutan di situ. Ini bagaikan pepatah "harapkan pagar, pagar makan padi".

Oleh yang demikian, ahli-ahli PSM telah membuat aduan polis di seluruh negara terhadap Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan atas tindakan salahguna kuasa JPNK yang menafikan hak masyarakat Orang Asli di Gua Musang.

Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen Sungai Siput merangkap AJK Pusat PSM, berkata bahawa Seksyen 47 Akta Perhutanan Negara 1984 yang dijadikan sebagai alasan untuk menghalang akses kepada perkampungan

Orang Asli telah disalahgunakan. "Apa juar undang-undang yang digunakan tidak boleh melanggar Perlumbaan Persekutuan yang dengan jelas termaktub jaminan hak Orang Asli dari segi perizinan tanah adat dan kesejahteraan hidup mereka," begitu katanya Dr. Jeyakumar.

"Tambahan pula, Seksyen 47 Akta Perhutanan Negara adalah untuk melindungi hutan daripada pencerobohan komersial. Kuasa ini tidak boleh disalahgunakan untuk mengepong Orang Asli yang sedang berjuang menghentikan pemusnahan hutan di sekeliling mereka. Orang Asli ini sebenarnya sedang membantu Jabatan Perhutanan untuk menjaga kawasan hutan," ulas Dr. Jeyakumar. ##



## Apakah dosa Orang Asli kepada Kerajaan Kelantan?

oleh Nik Aziz Afiq Bin Abdul

"Apakah dosa Orang Asli kepada Kerajaan Negeri Kelantan?"

Soalan ini terpacul dari mulut Mustafa, seorang anak muda berumur 29 tahun, yang merupakan salah seorang daripada 3 pejuang masyarakat Orang Asli di kawasan Pos Gob, Gua Musang, Kelantan yang telah ditahan pada 28 September lalu kerana tidak sanggup memberikan laluan kepada lori dan jentera pembalakan masuk ke kampungnya.

Boleh sahaja ketika itu beliau berundur atau lari, terutama apabila beliau hanya memegang plakat protes sedangkan para pembalak

memakai senapang dan gergaji rantai malah disertai 3 orang anggota polis yang tidak memakai uniform (hanya memakai vest polis tanpa nama dan nombor badan).

Boleh sahaja beliau buat tak peduli, tak hiraukan apa yang berlaku dan menyerah pada "pihak berkuasa" ini. Namun beliau tak sanggup. Anak-anak Pos Simpor yang terdiri dari puluhan kampung Orang Asli juga tak sanggup. Hutan dan alam ini terlalu suci bagi mereka untuk dipertahankan habis-habisan dari dibiarkan untuk dirogol kapitalis keparat biar apa risiko bakal mendatang.

Sukar bagi mereka hidup dalam keadaan tenang bila alam ini dimusnahkan, habitat haiwan dirosakkan, sungai dicemarkan dan

bukit bukau mereka digondolkan. Mustafa sekali pun bukan Muslim namun dengan petah melontar hujah bahawa manusia itu khalifah. Khalifah wajib bertanggungjawab menjaga keharmonian alam. Khalifah wajib percaya tidak ada sesuatu ciptaan itu tercipta dengan sia-sia. Tergamam dengar dia dengan begitu semangat menerangkan tugas-tugas khalifah.

Khalifah bukan hanya sekadar pakai kopiah masuk kampung Orang Asli dan ajak mereka masuk Islam kemudian biarkan hak Orang Asli terus ditindas. Bukan! Khalifah harus faham bagaimana sesebuah sungai yang menjadi sumber kehidupan kepada alam boleh menjadi keruh dan kotor. Khalifah harus sedar

fungsi-fungsi tiap batang pokok di sepanjang sungai itu yang menjadi penampang, ia bukan saja-saja ada di situ!

Khalifah jenis apakah yang memberi lesen dan geran agar pokok-pokok balak ditebang habis dan licin hingga tiap kali hujan maka berderu-deru tanah dari bukit gondol jatuh ke dalam sungai. Tebing-tebing menjadi runtuh. Fungsi penampang yang mengekalkan kejernihan tak dapat berlaku hingga akhirnya anak-anak kami meneguk air keruh, nasi kami ditanak dengan air keruh. Itupun jika senang mendapat air keruh kini sungai kami cetek dan seakan putus asa untuk mengalir! Khalifah jenis apakah ini?

(sambung di m/s 7)

# Isu 50 ekar sekeluarga

## Kerajaan Kelantan harus ikhlas

(Berikut adalah kenyataan yang dikeluarkan pada 6 Oktober yang lalu oleh Suresh Kumar, Penyelaras Biro Orang Asal PSM)

Kami merujuk kepada kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohd Amar, yang dikeluarkan pada 4 Oktober 2016 yang mengatakan bahawa permintaan 50 ekar sekeluarga untuk Orang Asli (OA) Gua Musang adalah besar jumlahnya dan sukar untuk dipertimbangkan sebagai wilayah adat OA. Permintaan ini telah dibawa melalui memorandum oleh Biro Orang Asal PSM dan Jaringan Kampung OA Semenanjung Malaysia (JKOASM) pada 30 Mac 2016 kepada Menteri Besar Kelantan.

### Apakah rasional di sebalik permintaan 50 ekar sekeluarga?

Bilangan keluarga OA di Gua Musang dianggarkan sebanyak 3,500 keluarga (berdasarkan bilangan penduduk 17,000 orang dan setiap keluarga mempunyai 5 orang anggota).

50 ekar sekeluarga bermaksud  $3,500 \times 50 = 175,000$  ekar.  
Keluasan Gua Musang = 2,020,480 ekar  
175,000 ekar daripada jumlah keluasan Gua Musang hanya 8.6%. Manakala peratusan jumlah penduduk OA di Gua Musang ialah 18.8%.

Oleh itu, jumlah tanah yang dimohon dalam konteks 50 ekar sekeluarga hanyalah separuh daripada peratusan penduduk OA di Gua Musang. Berbanding dengan pemberian konsesi pembalakan, tanah yang diwartakan sebagai wilayah adat kepada Orang Asli akan kekal sebagai kawasan hutan, maka dapat menjamin kelestarian alam sekitar, kerana itulah budaya hidup masyarakat OA yang menjaga alam sekitar. Sejak turun temurun, Orang Asli menjaga hutan dan kehidupan liar daripada dirosakkan oleh tauke balak dan pemburu haiwan terpelihara.

(sambung dari m/s 6)

Sehingga kini tanah mereka tidak diwartakan, ibarat pendatang sedangkan kita memanggil mereka dengan nama Orang Asli, yang memegang pemerintahan inilah yang sebenarnya pendatang. Mereka pernah berdialog di pejabat tanah berkenaan isu pewartaan tanah ini, namun pengawai bersikap acuh tak acuh hanya mengatakan pewartaan tanah Orang Asli telah dibuat namun tak mahu memberikan dokumen bagi menjadi bukti berkenaan hal tersebut. Pegawai apakah yang mempermudahkan maruah orang lain dengan sekadar bukti di bibir?

Memorandum demi memorandum dihantar kepada kerajaan negeri namun tidak membuatkan hasil. Seakan hidup Orang Asli ini tidak

Terdapat juga tuntutan-tuntutan lain dalam memorandum berkenaan yang berkaitan dengan tuntutan 50 ekar sekeluarga seperti berikut:

- Kerajaan Negeri harus menawarkan 50 ekar setiap keluarga ataupun tanah yang dimohon oleh setiap kampung berdasarkan Pemetaan Komuniti yang sedang dilakukan oleh mereka.
- Tanah yang diluluskan sebagai tanah masyarakat OA harus dipegang oleh OA di bawah geran komunal (kelompok) dan bukan geran persendirian
- Segala penerokaan hutan baru di Lojing harus dihentikan segera sehingga isu tanah komunal ini selesai.

Kerajaan Kelantan telah menerima memorandum 6 bulan lepas dan tidak berbuat apa-apa.

Jika Kerajaan Kelantan mendapati tuntutan yang diminta oleh masyarakat OA itu terlalu besar, mengapa masyarakat OA tidak dipanggil untuk berunding? Jika Kerajaan Negeri Kelantan merasakan mereka tidak mampu menawarkan 50 ekar tanah sekeluarga, mereka harus mengadakan rundingan secara profesional dengan Orang Asli untuk tawaran alternatif. Namun, mereka lebih berminat untuk berunding dengan tauke balak berbanding dengan Orang Asli setempat. Selepas itu, mengatakan pula bahawa wujudnya salah faham antara tauke balak dan Orang Asli!

Kami tidak faham dengan kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan yang mengatakan bahawa permintaan OA tidak dibuat secara "sesuai". Adakah penyerahan memorandum lengkap dengan nama kumpulan yang menghantar, alamat, nombor telefon, penerangan masalah dan senarai tuntutan tidak "sesuai"? Adakah Timbalan Menteri Besar Kelantan dan Kerajaan Negeri Kelantan tidak faham akan kandungan surat-surat yang dihantar kepada Pejabat Menteri

Besar Kelantan dan Pegawai Daerah Gua Musang yang meminta temujanji? Ini namanya berdolak-dalik!

Di bawah ini, kami senaraikan beberapa tindakan utama yang telah diambil oleh Biro OA PSM bersama JKOASM sejak tahun 2014:

1. 19 Januari 2014 - satu perjumpaan telah diadakan antara Dr. Jeyakumar Devaraj, wakil Biro Orang Asli PSM dan JKOASM dengan Ustaz Abdullah (Penyelaras DUN Galas), Ustaz Azman Ahmad (Penyelaras Parlimen Gua Musang), Ustaz Zulkefli (Pengerusi Lajnah Alam Sekitar PAS Pusat) pada masa itu.
2. Ustaz Abdullah dan Ustaz Azman telah berjanji untuk mendapatkan temujanji dengan EXCO Kerajaan Kelantan tetapi tiada jawapan.
3. 30 Mac 2016 - memorandum kepada MB Kelantan meminta temujanji berjumpa dengan penduduk OA Lojing. Jawapan diterima pada hujung April 2016 mengatakan bahawa MB tidak sihat dan tidak dapat bertemu.
4. 25 Julai 2016 - memorandum kepada Pegawai Daerah Gua Musang meminta temujanji berjumpa dan memohon moratorium untuk

menghentikan segala penolakan tanah di Lojing. Jawapan diberi bahawa isu ini akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Tanah Kerajaan Negeri, tetapi selepas itu tiada jawapan.

Di samping tindakan-tindakan utama di atas, berpuluhan-puluhan surat telah dikirimkan sepanjang 3 tahun yang lepas kepada MB Kelantan, Pegawai Daerah Gua Musang, Yang Di-Pertua Majlis Daerah Gua Musang dan Tabung Amanah Tok Kenali (TATOK). Kebanyakan surat tidak mendapat jawapan dan jika dijawab, tiada langkah penyelesaian dalam jawapan tersebut.

Kami berharap Kerajaan Kelantan berhenti membuat "kawalan kerosakan" (*damage-control*) yang tidak kena pada tempatnya. Kenyataan Timbalan MB Kelantan bahawa isu sekatan jalan adalah kerana salah faham antara pembalak dan OA adalah bersifat kebudak-budakan! Biro OA PSM telah mewalat sekatan jalan ini pada 4 Oktober 2016 dan kami menegaskan ini bukan salah faham tetapi pencabulan hak OA oleh sebuah syarikat pembalak dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan! ##



penting dalam urusan pentadbiran mereka. Namun bila mereka cuba bertindak lebih sedikit dari kebiasaan terus seakan mereka cuba memberontak.

Lihat menteri panggil mereka semalam sebagai "pengganas". Menteri tak panggil pembalak yang ugut dengan lepaskan tembakan di udara itu pengganas, menteri tak kata pembalak yang cuba menakutkan mereka dengan gergaji rantai itu pengganas. Menteri kata kepada mereka yang pertahankan tempat tinggal mereka sebagai pengganas. Apa beza menteri ini dan kerajaan negeri dengan Zionis yang menghalau penduduk Palestin dari tanah asal mereka?

Orang Asli ini hidup dengan alam dari generasi ke generasi. Diajar bahawa

alam anugerah yang tak mampu diganti walau dengan apa jua cara. Mereka mempertahankan hutan mereka bukan kerana mereka mahu mengkayakan diri mereka, sebaliknya untuk memastikan ia terpelihara dan dilindungi demi kebaikan kita semua. Sukar sangatkah

permintaan mereka ini? Episod perjuangan mereka masih panjang. Persoalan kini adakah kita hanya mahu jadi penonton dan biarkan? Tidakkah ada tercetus sedikit rasa khuatir jika kita dikira bersubhat kerana tidak bersama mereka melawan kezaliman ini? Kegagalan kerajaan pusat dan negeri dalam menjalankan amanah ini seharusnya

membuatkan kita lebih bangkit berdiri dan menginsafi bahawa maruah rakyat begitu kecil di mata mereka. Tiada apa yang akan mengubah itu melainkan kita bangkit melawan.

"Gosh sen'oi serok!" ##



# Himpunan BERSIH 5

## Rakyat tuntut demokrasi sejati



Gabungan BERSIH 2.0 telah melancarkan konvoi Bersih di seluruh negara pada 1 Oktober yang lalu, sebagai usaha menuju Himpunan BERSIH 5 yang akan diadakan pada 19 November ini di Kuala Lumpur.

Konvoi Bersih dibahagikan kepada 6 jaluan, iaitu Utara Semenanjung (dari Perlis melalui Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor ke Kuala Lumpur), Selatan Semenanjung (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan), Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Pantai Barat (bermula dari Lumut, Perak), Sabah dan Sarawak. Semua konvoi Bersih bergerak menuju ke Kuala Lumpur, dengan Himpunan BERSIH 5 sebagai kemuncaknya. Obor BERSIH diserahkan dari bandar ke bandar, kampung ke kampung secara berganti-ganti. Pelbagai aktiviti dijalankan, seperti pengedaran risalah, ceramah, dan perbualan dengan penduduk tempatan.

Konvoi yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang tuntutan Bersih mengenai reformasi institusi dan keparahan krisis 1MDB ini telah mendapat tenterangan daripada puak "Baju

Merah" yang dipimpin oleh Jamal Yunos daripada UMNO. Samseng Baju Merah yang ditaja oleh UMNO telah cuba mengganggu perjalanan konvoi Bersih dengan cara kekerasan. Jamal Yunos melontarkan tohongan palsu ke atas himpunan BERSIH 5 seperti adanya penyusupan kumpulan militan dalam BERSIH 2.0. Geng Baju Merah juga mengugut untuk melakukan apa juapun demi menghalang himpunan BERSIH 5 daripada berlangsung.

### Negara dalam krisis, rakyat perlu bangkit

Sepertimana yang ramai sudah pun maklumkan, negara kita telah dibelenggu dengan krisis politik yang mendalam dengan pembongkaran skandal 1MDB yang melibatkan Perdana Menteri Najib Razak sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Korups dan perebutan kuasa dalam parti pemerintah UMNO juga menimbulkan perpecahan dalam parti tersebut, lebih-lebih lagi dengan puak Mahathir keluar daripada UMNO.

Namun, kita juga dapat menyaksikan bagaimana pihak pembangkang yang sepatutnya berpeluang baik dalam situasi parti pemerintah sedang berpecah ini tidak mampu menonjolkan diri sebagai alternatif yang dapat menyakinkan rakyat. Perbalahan yang membawa kepada perpecahan Pakatan



Rakyat masih meninggalkan kesan yang mendalam kepada politik pembangkang di negara kita ini.

Dalam keadaan krisis politik yang semakin meruncing, pentadbiran Najib Razak sedang cuba memperkuuhkan kekuasaannya dengan membawa undang-undang anti-demokratik yang baru seperti Akta Majlis Keselamatan Negara. Persempadan semula kawasan pilihanraya juga digunakan dan dimanipulasikan untuk memastikan UMNO-BN terus menang dalam pilihanraya umum akan datang.

Negara kita sedang berada di persimpangan jalan. Jikalau kita membiarkan pemerintahan UMNO-BN pimpinan Najib Razak terus membolot kekayaan negara untuk kepentingan sendiri dan merosakkan demokrasi, masa depan negara kita pastinya semakin malap. Hanya kuasa rakyat dari bawah dapat menyelamatkan negara kita daripada masalah yang mendalam ini. Rakyat perlu bangkit menyuarakan bantahan kita terhadap pimpinan negara yang korup dan menyeleweng, di samping mengemukakan tuntutan kita untuk perubahan yang menjamin kebebasan dan kesejahteraan rakyat jelata.

Najib Razak memang tidak layak lagi menjadi Perdana Menteri dengan skandal korupsinya sudahpun amat besar, tetapi sesiapa yang menggantikannya tidak mungkin membawa apa-apa perubahan yang bermakna sekiranya masih memerintah negara ini dengan

menggunakan acuan politik yang sama. Kita perlukan perubahan yang menyeluruh pada sistem pentadbiran negara kita dengan berlandaskan prinsip demokrasi dan penyertaan rakyat.

### BERSIH 5 tuntut reformasi institusi untuk Malaysia Baru

Himpunan BERSIH 5 yang akan diadakan pada 19 November ini bertemakan "Satukan Tenaga – Malaysia Baru". Dengan menyedari bahawa penyebab utama krisis politik dan skandal 1MDB adalah kegagalan sistem demokrasi dan institusi, maka tuntutan yang dibawa oleh Gabungan BERSIH 2.0 dalam himpunan BERSIH kali ini bukan sahaja terhad kepada isu 1MDB dan perletakan jawatan Perdana Menteri Najib Razak. Tuntutan BERSIH fokus pada perubahan dalam institusi politik di negara kita untuk mewujudkan demokrasi yang sejati dalam masyarakat kita.



## Jom turun beramai-ramai ke BERSIH 5

Memang tiada alasan untuk kita berdiam diri dengan keadaan negara kita yang semakin merosot kerana kepimpinan kerajaan yang korup masih berpegang pada kekuasaannya. Kita perlu terus menggerakkan kekuatan rakyat dari bawah untuk menyuarakan bantahan kita terhadap kepincangan pemerintah, mempertahankan hak kita daripada dihakis oleh akta-akta zalim, dan menyatakan hasrat kita untuk sebuah negara yang lebih demokratik serta kesejahteraan rakyat yang terjamin.

Perjuangan untuk demokrasi dan keadilan sosial di negara kita telah mengalami pelbagai cabaran sebelum ini. Rakyat kita yang inginkan perubahan demi kebaikan semua tidak pernah mengerti kepentingan untuk berjuang. Himpunan BERSIH 5 akan datang ini akan menjadi satu lagi medan untuk kita beraksi dan memperkuatkan semangat untuk berjuang. Marilah kita jadikan 19 November ini sebagai satu lagi hari kita menunjukkan kuasa rakyat yang mampu menggagarkan pemerintahan UMNO-BN.



## Kukuhkan Demokrasi Berparlimen

Fungsi parlimen harus dikukuhkan untuk memulihkan keyakinan awam. Pihak pembangkang dan kerajaan perlu diberi ruang untuk mendebatkan atau mencadangkan undang-undang dan dasar-dasar awam supaya pendapat rakyat diberi pertimbangan yang sewajarnya, di samping menyelia agensi-agensi kerajaan.

- a) Meningkatkan bilangan Jawatankuasa Parlimen untuk menambahbaik kualiti penggubalan undang-undang dan pengawasan kerajaan.
- b) Proses penetapan agenda yang bersifat multipartisan dan inklusif.
- c) Peruntukan masa perdebatan untuk isu yang dibawa oleh pihak pembangkang atau ahli parlimen penyokong kerajaan.
- d) Mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen.

## Memperkasa Sabah dan Sarawak

Pilihan Raya Negeri Sarawak yang berlangsung pada tahun ini menunjukkan sogokan dan penyalahgunaan kuasa dan aset kerajaan secara berluasa. Selain itu, persempadanan semula kawasan pilihan raya negeri Sarawak pada tahun lepas dilakukan dengan tidak adil dan melibatkan peningkatan bilangan kerusi yang tidak wajar.

Kejadian tersebut mungkin akan berlaku di Sabah, di mana bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri telah ditambah. Tanpa demokrasi yang kukuh, tuntutan untuk autonomi Sabah dan Sarawak tidak akan tercapai, dan sebaliknya penjajahan dalaman dan eksloitasi oleh golongan elit daripada peringkat persekutuan dan negeri akan berterusan.

- a) Proses persempadanan semula yang adil dan berakauntabiliti untuk Sabah.
- b) Proses pengundi tidak hadir yang inklusif, telus, dan berakauntabiliti untuk semua rakyat Malaysia, termasuk pengundi Sabah dan Sarawak yang menetap, bekerja, atau sedang belajar di luar negeri.
- c) Kebebasan berkempen dan akses media yang bebas untuk memastikan pengundi Sabah dan Sarawak boleh membuat pilihan yang bermaklum dalam pilihan raya.
- d) Menghapuskan pembelian undi dan sogokan dan penyalahgunaan kuasa dan aset kerajaan dalam pilihan raya umum dan negeri (Sabah) yang akan datang.
- e) Disentralisasi untuk menguatkan kuasa pentadbiran Sabah dan Sarawak.

# tuntutan

Himpunan BERSIH 5 telah mengemukakan 5 tuntutan utama, iaitu:

## Pilihan Raya Bersih

Sistem pilihan raya kita masih lagi tidak bebas dan adil. BERSIH akan meneruskan tuntutan untuk mereformasikan sistem pilihanraya supaya hak rakyat untuk memilih kerajaan terpelihara.

- a) Mempertahankan hak untuk mengundi, termasuk menurunkan umur mengundi; dakwat kekal yang berkualiti; tempoh berkempen minimum selama 21 hari; pendaftaran pengundi secara automatik; dan proses pengundi tidak hadir yang inklusif, telus, dan berakauntabiliti.
- b) Persempadanan semula kawasan pilihan raya yang adil, berakauntabiliti, dan berlandaskan prinsip dan tujuan asas Perlembagaan Negara.
- c) Akses media yang adil untuk parti politik dan calon, dan kebebasan media dan wartawan. Misalnya, peruntukan masa siaran yang seimbang untuk parti politik dan penganjuran debat antara calon Perdana Menteri.
- d) Mereformasikan akta-akta pilihan raya untuk memperkasakan SPR, termasuk sistem yang lebih adil, pemulihan pilihan raya kerajaan tempatan, dan pembentukan kerajaan sementara untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa semasa pilihan raya.
- e) Menubuhkan peraturan tentang pembiayaan dana politik, pengehadan pembiayaan, perbelanjaan, laporan terbuka, dan mengukuhkan penyeliaan dan penguatkuasaan SPR.

## Kerajaan Bersih

Keyakinan awam terhadap kerajaan dan institusi untuk membanteras korupsi telah menjunam, terutamanya dalam isu salah urus skandal 1MDB. Korupsi yang berleluasa dan berterusan telah memberi kesan kepada rakyat Malaysia melalui kenaikan kos sara hidup, GST, dan pemotongan belanjawan. Pentadbiran kerajaan yang bersih, telus, dan berakauntabiliti amat diperlukan.

- a) Kerajaan yang bersih meliputi:
  - Memulihkan pengasingan kuasa eksekutif, perundangan, dan kehakiman untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa
  - Disentralisasi kuasa eksekutif di semua peringkat, termasuk larangan terhadap Perdana Menteri untuk turut memegang jawatan Menteri Kewangan.
  - Deklarasi aset terbuka oleh menteri-menteri dan penjawat awam kanan.
  - Pengasingan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya untuk mengelakkan campurtangan yang tidak wajar.
  - Mengukuhkan institusi seperti Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), polis, dan lain-lain, dan memastikan suruhanjaya-suruhanjaya penting bertanggungjawab terus kepada Parlimen.
- b) Menggubal dan melaksanakan undang-undang kebebasan maklumat di peringkat negeri dan negara.

## Hak Membantah

Hak untuk membantah semakin disekat. Semakin ramai aktivis, ahli politik dan rakyat biasa yang mengkritik kerajaan telah disiasat dan didakwa di bawah pelbagai akta drakonian seperti Akta Hasutan. Perubahan diperlukan supaya hak bersuara dihormati dan dilindungi.

- a) Memindah akta-akta yang melanggar kebebasan bersuara, berhimpun, dan berpersatuan seperti Kanun Keseksyen, Akta Polis 1967, Akta Keterangan 1950, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan lain-lain lagi.
- b) Menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) untuk membendung salahlaku pihak polis dan mengukuhkan akauntabiliti awam.
- c) Memansuhkan akta-akta yang represif, seperti Akta Hasutan 1948, Akta Majlis Keselamatan Negara 2015, Akta Kesalahan Keselamatan 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah (POCA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 dan Akta Perhimpunan Aman 2012.



(Berikut adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Parames Elumalai, Penyelaras Biro Perumahan dan Peneroka Bandar PSM, pada 3 Oktober yang lalu, bersempena dengan sambutan Hari Habitat Sedunia 2016)

3 Oktober 2016 merupakan sambutan Hari Habitat Sedunia yang jatuh pada setiap hari Isnin pertama bulan Oktober. Rumah adalah hak asasi setiap manusia. Bersempena dengan Hari Habitat Sedunia, Parti Sosialis Malaysia (PSM) akan terus berjuang bersama rakyat marhaen untuk menjamin hak rakyat memiliki rumah.

#### Rumah mampu milik untuk siapa?

Malangnya sekali di Malaysia, perumahan merupakan suatu komoditi untuk diperniagakan, demi keuntungan segelintir kapitalis. Banyak tanah diteroka untuk membina rumah-rumah yang mewah dan mahal. Spekulasi harga rumah masih berleluasa tanpa kawalan ketat daripada kerajaan. Yang menjadi mangsa adalah 40% golongan berpendapatan rendah (B40) yang menghadapi kesukaran untuk membeli rumah. Harga rumah melambung tinggi, tetapi gaji

golongan berpendapatan rendah masih rendah. Permintaan rumah kos rendah semakin hari semakin bertambah. Namun, pembinaan rumah kos rendah oleh pihak swasta mahupun kerajaan tidak sejajar dengan permintaan rakyat marhaen. Ini menyebabkan ramai rakyat miskin kota terpaksa terus menyewa unit di perumahan rakyat PPR kerajaan kerana tidak mungkin membeli rumah di bandar.

#### Beban penyelenggaraan rumah rakyat

Permasalahan rakyat marhaen bukan setakat pemilikan rumah kos rendah. Rumah-rumah pangsa kos rendah rendah pula berdepan dengan masalah penyelenggaraan, pengurusan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMB), masalah hakmilik strata dan kondisi bangunan yang teruk. Secara keseluruhan, sistem JMB untuk rumah kos rendah nampaknya gagal

menyelesaikan masalah penyelenggaraan ini. Walaupun penghuni-penghuni pangsapuri kos rendah dibebani dengan bayaran penyelenggaraan dan cukai pihak berkuasa tempatan, tetapi ianya masih tidak dapat menampung kos penyelenggaraan yang tinggi, maka kondisi kebanyakan rumah tersebut berada dalam keadaan yang teruk sekali.

#### Rumah rakyat marhaen dirampas oleh bank

Rumah dilelong semakin banyak apabila rakyat gagal membayar ansuran dalam keadaan krisis ekonomi yang melanda negara kita. Golongan berpendapatan rendah lebih banyak menghadapi ancaman rumah dilelong. Bank-bank lebih cenderung untuk melelong rumah-rumah ini kerana mereka bukan sahaja mendapatkan balik pinjaman perumahan, tetapi boleh menjual rumah tersebut dengan harga

pasaran yang lebih tinggi.

Justeru, selaras dengan tema Hari Habitat Sedunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk tahun 2016, iaitu "**Housing at the Centre**" (Perumahan Diketengahkan), PSM mengesas kerajaan supaya mengawal harga perumahan. Kerajaan harus memperbanyakkan rumah kos rendah yang benar-benar mampu dimiliki oleh rakyat. Kerajaan harus mengetarkan syarat agar bank tidak boleh sewenang-wenangnya melelong rumah dan hak pemilik rumah terjamin. Golongan berpendapatan rendah yang menghadapi kesukaran untuk membayar balik pinjaman perumahan harus diberikan kelonggaran. Kerajaan juga harus mengkaji balik masalah-masalah penyelenggaraan yang dihadapi oleh penghuni-penghuni pangsapuri kos rendah. Pihak Berkuasa Tempatan harus memainkan peranan yang lebih untuk memastikan penyelenggaraan perumahan bertingkat kos rendah dijamin. ##

# Seruan penghuni rumah pangsa kos rendah

## Kerajaan harus ambil alih penyelenggaraan flat

## Kurangkan beban penduduk miskin

(Berikut adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Bertindak Flat Kos Rendah Hulu Langat pada 8 Oktober yang lalu.)

Sempena dengan Hari Habitat Sedunia yang jatuh pada 3 Oktober tahun ini, Jawatankuasa Bertindak Flat Kos Rendah Hulu Langat ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan kerajaan Malaysia bahawa perumahan adalah keperluan asas yang penting untuk setiap lapisan masyarakat. Adalah menjadi tanggungjawab untuk kerajaan dan semua pihak yang terlibat dalam mewujudkan perumahan yang selesa dan mampu milik bagi semua golongan masyarakat, khususnya masyarakat miskin dan golongan yang berpendapatan rendah.

#### Hak perumahan adalah hak untuk semua!

Perumahan selesa adalah hak asasi yang diiktiraf di dalam Fasal 25 (1) Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 yang diterima oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Namun, di Malaysia, ramai orang menghadapi masalah untuk memiliki sebuah rumah kerana harga rumah yang melambung tinggi dan gaji yang rendah. Pada tahun 2015, Institut Penyelidikan Khazanah mendedahkan bahawa harga rumah yang tinggi di Malaysia menyebabkan rakyat biasa tidak mampu memiliki rumah.

Jika mereka yang berpendapatan rendah diberi peluang memiliki rumah, apa yang ditawarkan kepada mereka adalah rumah pangsa kos rendah, di mana wujudnya banyak masalah yang menyebabkan rumah-rumah pangsa ini tidak sesuai untuk dihuni.

#### Masalah rumah pangsa kos rendah

Masalah utama yang sering berlaku di Rumah Pangsa Kos Rendah adalah isu penyelenggaraan, di mana penduduk sendiri perlu membayar sejumlah wang untuk menyelenggarakan bangunan rumah pangsa bertingkat-tingkat dan kawasan bersama (*common area*) dalam rumah pangsa. Walhal di taman perumahan mahupun di lot banglo, penyelenggaraan kawasan sekitar rumah dijalankan oleh Majlis Tempatan. Jadi, Jawatankuasa Pengurusan Bersama rumah pangsa, atau *Joint Management Body* (JMB) terpaksa menghadapi pelbagai kerumitan terutamanya dalam mengutip wang penyelenggaraan daripada penghuni rumah pangsa. Ini menyebabkan keadaaan rumah pangsa yang tidak terjaga dan usang. Selain itu, wang yang dikutip itu tidak mencukupi untuk menampung kos sekiranya berlaku kerosakan besar seperti bumbung bocor dan pemuliharaan bangunan.

Kemudahan asas di rumah pangsa kos rendah juga merupakan satu lagi masalah. Kebanyakan rumah pangsa tidak mempunyai tempat membuang sampah yang berkeadaan baik, tiada dewan serbaguna untuk menjalankan aktiviti, taman permainan yang usang, tempat letak kereta yang tidak mencukupi dan tiada pejabat untuk JMB beroperasi.

Tambahan pula, sebuah JMB memerlukan kos atau dana yang tinggi, kerana ia perlu membayar yuran insurans dan audit akaun. Bukan itu sahaja, penghuni rumah pangsa kos rendah juga mengalami kesusahan dalam mendapatkan hak milik strata kerana isu perundangan

yang rumit (Akta Hakmilik Strata 1985). Ini merupakan masalah bagi rumah-rumah pangsa yang lama sebelum pindaan kepada akta tersebut pada tahun 2013.

#### Tuntutan Penghuni Rumah Pangsa Kos Rendah

Oleh itu, penghuni-penghuni rumah pangsa kos rendah telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Flat untuk mengutarakan tuntutan mereka bagi menangani masalah yang dihadapi.

Tuntutan-tuntutan penghuni rumah pangsa kos rendah termasuklah:

- Penghuni rumah pangsa kos rendah hanya perlu membayar dua jenis cukai, iaitu cukai tanah (setahun sekali) dan cukai pintu (6 bulan sekali) seperti mana rumah teres kos rendah.

- Bayaran harus dibuat terus kepada Majlis Perbandaran dan Pejabat Tanah.

- Bayaran harus meliputi kutipan sampah, pembersihan koridor, pembersihan longkang, taman permainan, lampu jalan dalam kawasan flat dan jalanraya dalam kawasan flat.

2. Kutipan untuk bayaran bil bagi penggunaan lampu koridor rumah pangsa dan air yang digunakan secara bersama harus dimasukkan dalam bil elektrik dan air secara purata dalam bil masing-masing (semua penghuni).

3. Satu peruntukan tahunan seperti Rukun Tetangga diberikan kepada JMB untuk membolehkan mereka melakukan aktiviti sosial dan kebajikan bagi semua penghuni rumah pangsa demi mewujudkan masyarakat yang lebih bersatu padu.



JMB juga harus dibuka kepada semua penghuni termasuk mereka yang menyewa untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang penting dan menyumbang kepada pembangunan flat tersebut.

4. Setiap rumah pangsa kos rendah wajib mempunyai kawasan dewan serbaguna atau bilik aktiviti untuk masyarakat di mana dewan itu boleh diuruskan oleh JMB. Jika tiada, maka kerajaan perlu membina kemudahan tersebut.

5. Mewujudkan tempat perniagaan dan peluang perniagaan di kawasan flat secara teratur dan tersusun untuk membolehkan masyarakat di flat tersebut terlibat dalam aktiviti mikroekonomi. Sewa boleh dibayar kepada JMB dan wang ini boleh digunakan untuk menyelenggarakan pejabat dan membayar kakitangan sepenuh masa.

6. Insurans tahunan dan audit tahunan adalah terlalu tinggi dan pihak JMB tidak boleh membiayainya. Maka dicadangkan proses audit dilakukan melalui satu syarikat audit yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan (COB) dengan bayaran yuran yang terendah. Syarikat insurans juga diletak di bawah pengawasan COB agar perkhidmatan mereka adalah baik dengan bayaran yang munasabah. ##

# Pekerja kontrak tuntut keadilan

Pada 15 September yang lalu, pekerja-pekerja kontrak sekolah telah berprotes di hadapan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Putrajaya dan bertemu dengan pegawai Kementerian, untuk menyuarakan bantahan mereka terhadap sistem kontrak yang memangsakan pekerja.

Setiausaha Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset Kementerian Pendidikan, Kamarudin bin Abdullah, telah berjumpa dan mengadakan perbincangan dengan para pekerja dan aktivis. Kamarudin berkata bahawa pihaknya akan berusaha untuk menyelesaikan masalah yang dibawa pekerja dan cuba membawa cadangan Jaringan Pekerja Kontrak kepada pihak atasan.

## Pekerja kontrak tidak dibayar gaji 8 bulan

Salah satu kes yang dibawa kepada perhatian Kementerian Pendidikan adalah masalah gaji tertunggak sehingga 8 bulan untuk pekerja kontrak yang diupah oleh Time Medi.

Kontraktor pembersihan Time Medi Enterprise yang dipilih oleh Kementerian Pendidikan telah gagal membayar gaji dari bulan Mei 2015 hingga Disember 2015 kepada 51 orang pekerjanya yang bertugas di 7 buah sekolah di Ipoh, iaitu SJKC Wan Hwa 1, SJKC Wan Hwa 2, SJKC Yuh Hua, SJKC Pasir Pinji 1, SJKC Pasir Pinji 2, SMK Tarcisan Convent, dan SMK Ave Maria Convent.

Sejak bulan Mei 2015, kontraktor Time Medi Enterprise dengan pengarah pengurusannya Meor Mohsin Onn bin Jaffar, telah hilangkan diri. Namun, kebanyakan pekerja telah terus bekerja sehingga bulan Disember 2015. Dalam tempoh masa itu, para pekerja telah beberapa kali menghubungi Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kinta Utara, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak serta Bahagian Perolehan KPM di Putrajaya, untuk mendapat tahu tentang status gaji yang tertunggak selama beberapa bulan. Mereka juga telah mengadu kepada Jabatan

Tenaga Kerja dan juga telah melaporkan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tentang caruman yang dipotong tetapi tidak dimasukkan ke dalam akaun KWSP mereka. Kemudiannya, mereka telah menyedari pada tahun ini bahawa sebenarnya KPM telah menghantar notis tujuan penamatkan kontrak kepada Meor Mohsin pada 23 April 2015, dan dia telah diisyithar bankrap pada 29 Julai 2015.

PPD Kinta Utara telah menasihatkan pekerja untuk "terus bekerja, kalau berhenti kerja nanti tidak akan dapat gaji yang tertunggak." "Jangan risau, gaji pekerja selamat dalam simpanan kerajaan," begitulah nasihat pihak PPD pada masa itu.

Beberapa pengurusan sekolah telah membantu pekerja yang tidak dibayar gaji dengan memberi pinjaman setiap bulan sehingga bulan Disember 2015.

Pada akhir bulan November 2015, pengetua 7 buah sekolah yang berkenaan telah dimaklumkan melalui salinan notis JPN Perak kepada kontraktor Meor Mohsin bahawa perjanjian perkhidmatan kebersihan dengan Time Medi telah ditamatkan berkuatkuasa pada 1 November 2015.

Dalam keadaan ini, tanpa sebarang arahan daripada pihak KPM, dan dengan sedikit pinjaman wang setiap bulan daripada pihak sekolah, pekerja-pekerja tersebut telah terus bekerja sehingga kontraktor baru mengambil alih pada 1 Januari tahun ini.

Pekerja-pekerja yang diupah oleh Time Medi telah menghubungi KPM dan JPN tentang gaji tunggakan mereka yang seharusnya dalam simpanan pihak KPM. Menurut jawapan Menteri Pendidikan di Parlimen pada 9 Mac 2016, bayaran gaji terakhir oleh KPM kepada Time Medi adalah untuk Mei 2015, dan "tiada sebarang pembayaran dibuat kepada syarikat itu selepas tarikh tersebut."

Jadi, dengan anggapan bahawa gaji

mereka selamat dalam simpanan KPM, pekerja-pekerja kontrak Time Medi telah meminta supaya gaji untuk bulan-bulan selepas Mei 2015 dibayar terus kepada mereka. Namun, para pekerja telah dikejutkan dan dihamparkan dengan berita bahawa wang gaji mereka telah diserahkan kepada Jabatan Insolvensi yang akan membuat keputusan tentang semua bayaran kepada para pemutang kontraktor Meor Mohsin.

Adalah tidak logik dan tidak adil untuk KPM menyerah pembayaran gaji pekerja kontrak Time Medi untuk bulan Mei hingga Disember 2015 kepada Jabatan Insolvensi.

Kontraktor Meor Mohsin telah mlarikan diri dan tidak lagi memainkan sebarang peranan dalam membekalkan perkhidmatan pembersihan kepada 7 buah sekolah yang terabit selepas itu. Dengan menghilangkan diri, dia telah melanggar kontrak. Namun, pekerja telah terus melakukan kerja-kerja pembersihan secara peribadi tanpa sebarang bantuan atau pengurusan daripada kontraktor Meor Mohsein. Malah, dia juga tidak membekalkan bahan-bahan cuci dan alatan untuk pembersihan kepada sekolah. Mengapa harus gaji pekerja dianggap sebagai aset Meor Mohsin untuk diserahkan kepada Jabatan Insolvensi?

Kontrak dengan Time Medi tidak lagi wujud selepas bulan Mei 2015 kerana KPM telah menghantar Notis Tujuan Penamatkan kepada Meor Mohsin pada 23 April 2015, dan sudah menghentikan pembayaran kepada kontraktor selepas bulan Mei 2015.



Sehingga bulan Disember 2015, pihak KPM tidak pernah memberitahu atau memberi arahan kepada pekerja tentang status pekerja dan kontraktor, atau tentang tindakan yang harus diambil oleh pekerja. Pekerja hanya diberitahu oleh pihak PPD untuk terus bekerja. Kenapa pekerja perlu menanggung akibat kesalahan pihak kontraktor dan kecuaian pihak kerajaan?

Pemilihan kontraktor Time Medi dilakukan oleh KPM, dan bukanlah kesalahan pekerja sekiranya kontraktor tersebut tidak bertanggungjawab atau gagal mematuhi peraturan perjanjian. Maka mengapa pekerja harus dimangsakan dan perlu mengorbankan gaji pekerja?

Pekerja kontrak adalah golongan berpendapatan rendah dan miskin. Mereka bergantung sepenuhnya kepada gaji mereka setiap bulan untuk menampung perbelanjaan rumah tangga. Akibat tidak dibayar gaji 8 bulan, mereka terpaksa menanggung pelbagai hutang. Bayangkanlah, bagaimana anda dapat hidup tanpa dibayar gaji untuk 8 bulan?

Sistem kontrak telah memiskinkan lagi pekerja yang berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, masalah pekerja kontrak akan sentiasa berterusan sekiranya sistem kontrak di jabatan-jabatan kerajaan tidak dihapuskan.

## Tuntutan Jaringan Pekerja Kontrak

1. Kementerian Pendidikan Malaysia harus menyelesaikan dengan segera masalah tunggakan gaji yang belum dibayar, tunggakan gaji minimum, caruman KWSP dan PERKESO yang gagal dicarumkan untuk pekerja-pekerja kontrak yang bekerja dengan syarikat-syarikat kontraktor yang berkenaan.

2. KPM harus menamatkan kontrak syarikat-syarikat yang menipu pekerja kontrak dari segi pembayaran gaji, OT dan caruman kepada KWSP dan PERKESO. Memotong caruman dan tidak memasukkan dalam akaun KWSP dan PERKESO adalah kesalahan jenayah, maka KPM harus membuat aduan polis terhadap kontraktor-kontraktor berkenaan. Pengaruh-pengaruh syarikat yang menipu harus diseleraihitamkan agar tidak diberi kontrak baru dalam apa juga kaedah termasuk melalui syarikat baru.

3. Selagi sistem kontrak wujud, KPM harus mewujudkan sistem untuk memantau dan bertindak bagi memastikan hak dan kebijakan pekerja kontrak KPM dilindungi. KPM harus bertanggungjawab terhadap masalah yang berpunca daripada sistem kontrak dan kontraktor yang menipu. KPM tidak harus mencuci tangan daripada tanggungjawabnya dengan merujuk

aduan pekerja ini kepada Pejabat Tenaga Kerja. KPM secara tidak langsung merupakan pihak utama yang mengupah pekerja-pekerja ini, maka perlu bertanggungjawab.

4. KPM harus membatalkan sistem kontrak yang menyumbang kepada kesengsaraan golongan B40 dan menjadikan pekerja pembersihan, pekebun dan keselamatan sebagai kakitangan tetap kerajaan, sebab:

- Kerja-kerja ini merupakan kerja tetap yang perlu dilakukan sepanjang masa untuk membolehkan sesebuah sekolah berfungsi, maka ia bercanggah dengan konsep kerja kontrak yang hanya diperlukan untuk kerja sementara.

- Sistem kontrak langsung tidak membawa sebarang manfaat untuk pekerja. Terma-terma kontrak menyebabkan pekerja kehilangan haknya seperti kenaikan gaji tahunan, jaminan kerja, pinjaman perumahan, faedah kesihatan, dan pencegahan.

- Tambahan pula, sebahagian besar pekerja kontrak diperas lagi oleh kontraktor yang melanggar undang-undang kerja dan menipu pekerja.

## Masalah yang dihadapi pekerja kontrak di sekolah

Pekerja-pekerja kontrak yang bekerja sebagai tukang pembersihan, pekebun dan pengawal keselamatan di premis-premis Kementerian Pendidikan di seluruh Malaysia menghadapi pelbagai masalah. Sebahagian besar pekerja kontrak menghadapi pencabulan hak pekerja yang berterusan.

Antara masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja kontrak:

### 1. Masalah berkaitan gaji

- i. Lewat bayar gaji, kelewatan antara 1 hingga 10 bulan.
- ii. Tidak dibayar mengikut tetapan gaji minimum.
- iii. Gagal bayar tunggakan gaji minimum.
- iv. Bayaran tunggakan gaji yang kurang.

### 2. Masalah pencaruman KWSP dan PERKESO

- i. Tidak mencarum langsung.
- ii. Memotong caruman daripada gaji pekerja tetapi tidak dibayar kepada KWSP dan PERKESO.
- iii. Caruman tidak dikira berdasarkan gaji sepenuhnya.
- iv. Kontraktor sendiri tidak

berdaftar di KWSP dan PERKESO.

### 3. Kontraktor muflis

- i. Pekerja tidak dibayar gaji selama 10 bulan.
- ii. KPM tidak peduli walaupun pekerja terus berkhidmat.

### 4. Masalah-masalah lain

- i. Tiada kontrak kerja.
- ii. Tiada slip gaji.
- iii. Tiada cuti sakit.
- iv. Pengiraan bayaran kerja lebih masa (OT) yang tidak betul.
- v. Tiada cuti rehat.
- vi. Jumlah hari gaji – 30 hari.
- vii. Gaji hari rehat dan cuti am dikira sebagai hari biasa.

Akibat keadaan ini, sebahagian besar pekerja kontrak di bawah KPM yang sudah pun berada dalam golongan 40% keluarga berpendapatan paling rendah (B40) dimiskinkan lagi oleh kontraktor pilihan KPM sendiri. Mereka menghadapi masalah menjelaskan perbelanjaan rumah tangga seperti sewa, makanan dan minuman, bil-bil, pengangkutan, belanja persekolahan, membayar hutang, dan lain-lain.

# Balak Khazanah negara dari pada siapa kepada siapa?

oleh Sharan Raj

Isu pembalakan di Pos Tohoi, Kelantan, merupakan suatu isu yang sensasi yang sedang dibincangkan oleh media massa dan juga rakyat Malaysia. Walaupun kes pembalakan tidak terancang tetapi direstui golongan pemerintah dan elit politik telah lama bertapak sejak zaman penjajahan British lagi, namun isu di Kelantan menjadi sensasi kerana penentangan Orang Asal terhadap pembalakan di tanah adat mereka.

Walau bagaimanapun, laporan media massa berat sebelah terhadap kerajaan negeri dan kapitalis pembalak membelakangkan perjuangan Orang Asal. Laporan media tentang kerugian pihak pembalak dan kerajaan negeri diwarkan tanpa segan silu. Syarikat-syarikat pembalakan mengadakan sidang media untuk menuduh orang asal bahawa mereka menggunakan keganasan dan juga mencederakan pekerja mereka. Walhal, perkara sebenarnya adalah unsur pengsterisme yang telah digunakan untuk melemahkan halangan Orang Asal dalam mempertahankan tanah adat mereka.

Orang asal mewarisi hutan tersebut daripada nenek moyang dan mendiami hutan selama beratus-ratus tahun. Namun, mereka tidak meneroka secara berleluasa, sebaliknya hidup secara harmoni dalam hutan dengan pertanian kecil-kecilan dan merayau dalam hutan untuk mendapatkan sumber bagi meneruskan kehidupan mereka yang serba sederhana. Hutan juga berkait rapat dengan orang di kawasan bandar dengan membekalkan udara segar serta air tawar di samping mengairi tanah pertanian.

Orang Asal memahami hutan dan menjaga hutan seperti "renjer hutan" yang tidak menerima gaji daripada kerajaan. Namun demikian, kenapa kerajaan negeri Kelantan pimpinan PAS yang diundi oleh rakyat Kelantan

tidak mengendahkan suara Orang Asal ini dan membuka hutan untuk pembalakan yang tidak terancang. Kerajaan Kelantan cuma merupakan proksi dalam isu pembalakan ini kerana permintaan balak oleh pengilang perabot di bawah naungan Majlis Balak Malaysia (*Malaysian Timber Council*) ataupun dikenali dengan akronim MTC merupakan akar tunjang masalah ini.

Pengilang ini sedang rancak meningkatkan produksi mereka untuk dieksport ke negara-negara kapitalis seperti Jepun, US, India, Singapura, Taiwan, Korea dan UK. Berdasarkan pada Polisi Industri Balak Malaysia 2009 (*Malaysian Timber Industry Policy*), jumlah eksport yang disasarkan oleh industri balak untuk tahun 2020 bernilai RM 53 bilion berbanding RM 7.29 bilion pada tahun 2015. Pada tahun 2020, industri perabot menyasarkan pengeluaran perabot premium sebanyak 60%.

Golongan cerdik pandai akan berhujah bahawa perkembangan industri balak akan menambahkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), membuka peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dengan membeli perabot berkualiti. Analisis yang mendalam akan menyangkal hujah bahawa rakyat marhaen akan nikmati kekayaan sumber bumi negara Malaysia.

Walaupun hasil kayu dihasilkan di Malaysia daripada khazanah hutan negara, namun hanya 20% daripada keluarga di Malaysia yang mampu memiliki perabot kayu. Perabot di luar kemampuan kebanyakan rakyat marhaen kerana harga yang mencecah hingga ke puluhan ribu ringgit walaupun purata kos penghasilan adalah dalam ratusan ringgit sahaja kerana penghasilannya secara besar-besaran (*mass*



*production*) dan automasi yang canggih. Kebanyakan perabot yang dibeli oleh rakyat Malaysia adalah perabot mampatan debu kayu (*compressed saw dust furniture*). Perabot ini diperbuat daripada mampatan debu-debu dan sisa-sisa industri perabot dan balak. Perabot mampatan debu kayu banyak dijual kepada golongan miskin dan pertengahan di Malaysia dalam harga ratusan ringgit. Perabot kayu tulen dieksport untuk keselesaan warga luar negara walhal rakyat marhaen mendapat sisa-sisa industri hasil bumi sendiri.

MTC setelah sekian lama berjaya melobi Kabinet Persekutuan Malaysia untuk membatalkan kekangan pengambilan warga asing untuk industri perabot. Para pengilang perabot lebih gemar untuk mengambil tenaga pekerja migran daripada pekerja tempatan. Hal ini berlaku kerana kos tenaga kerja asing jauh lebih murah daripada tenaga tempatan kerana ketidaaan pencaruman KWSP dan gaji rendah untuk tenaga pekerja migran.

Di samping itu, pekerja asing rela bekerja lebih masa (*over-time work*) untuk kadar yang rendah. Berdasarkan Akta Pekerjaan 1955, pekerja harus dibayar 1.5 kali ganda lebih daripada kadar asal untuk kerja lebih masa. Namun, pekerja asing kerap kali tidak dibayar sedemikian serta enggan berprotes tentang penindasan gaji mereka kerana takut hilang permit kerja dan dihantar pulang. Maka, peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia menjadi retorik kapitalis untuk menghalalkan pemusnahan hutan tropika.

Hujah bahawa industri perabot menyumbangkan KDNK boleh dipertikaikan kesahihannya. Berdasarkan "The Wealth Report 2016" yang dikeluarkan oleh Knight Frank Malaysia, kadar jutawan/kapitalis Malaysia yang emigrasi ke negara Barat seperti Kanada, Australia dan UK adalah antara kedua tertinggi di dunia selepas China. Golongan kapitalis turut membawa keluar harta yang diperolehi di dalam Malaysia ke

negara baru mereka sekali gus menurunkan ekonomi nasional.

Sifat patriotik dalam golongan kapitalis memang sekali tidak wujud dalam minda mereka. Pemilik-pemilik kilang perabot tidak jauh berbeza kerana akan tiba masa mereka membawa keluar harta yang diperolehi melalui sumber bumi Malaysia ke negara lain. Mereka sudah pun mengatur langkah berhijrah dengan membeli rumah di luar negara serta menghantar anak mereka ke universiti di luar negara.

Golongan kapitalis dalam industri balak taksub dengan keuntungan lumayan yang dapat diperoleh melalui memasarkan hasil bumi Malaysia ke negara lain serta menindas pekerja asing dan tempatan. Pandangan sosialis adalah, sumber dan hasil bumi sesebuah negara harus dimiliki negarakan dan dinikmati semua rakyat negara berkenaan. Wajarkah, pembalakan dan pencabulan alam sekitar dan penghalauan Oang Asal dari "rumah" mereka dibenarkan untuk kekayaan beberapa orang kapitalis sahaja?

Kerajaan Negeri Kelantan wajar mewartakan hutan sebagai hutan rizab untuk generasi seterusnya supaya dapat menikmati udara yang segar dan bekalan air tawar yang bersih. Di samping itu, memperkembangkan pendidikan berasaskan alam semula jadi supaya generasi muda mendekati dan mencintai hutan tropika. Untuk memperkasakan dana dan ekonomi, kerajaan negeri disarankan membangunkan industri perkhidmatan dan berasaskan ilmu (*knowledge-economy*) serta industri teknologi tinggi.

Modus operandi sektor pembalakan harus dikaji semula dan pandangan orang asli, aktivis alam sekitar, dan pakar sains perhutanan dirunding untuk mewujudkan pembangunan yang mampu dan kekayaan sama dirasai semua termasuk Orang Asal, bukan hanya memberikan sisa-sisa kapitalis kepada rakyat jelata dengan menindas semua golongan rakyat. ##

**ON MONDAY**

**Timber council zooms in on China**

**A huge market for Malaysian exporters to tap, India also seen as potential target**

**By Alan Chong**

The Malaysian Timber Council (MTC) is looking at increasing exports of Malaysian timber and timber products to India and China, said its chairman Datuk Syed Zainal Abidin. While India has a huge market, it is difficult to penetrate as it is competitive there.

"China has a big population and many more markets. Starting there last year, we have been working on having more factories making windows and doors never appearing on export ports to penetrate that market," he told *Malaysian Insider*.

Malaysian timber and timber products is a major industry, said Syed Zainal. It is expected to compete more closely and increase production to meet the demand from China and India.

There is also a regional office for MTC in London, said Syed Zainal. "We are currently looking at potential markets for the Malaysian timber industry given its strong middle class, increasing per capita income, and urbanisation and growth of other economic sectors. There will be growing demand for value-added downstream

**Timber council zooms in on China**

**A huge market for Malaysian exporters to tap, India also seen as potential target**

**By Alan Chong**

The Malaysian Timber Council (MTC) is looking at increasing exports of Malaysian timber and timber products to India and China, said its chairman Datuk Syed Zainal Abidin. While India has a huge market, it is difficult to penetrate as it is competitive there.

"China has a big population and many more markets. Starting there last year, we have been working on having more factories making windows and doors never appearing on export ports to penetrate that market," he told *Malaysian Insider*.

Malaysian timber and timber products is a major industry, said Syed Zainal. It is expected to compete more closely and increase production to meet the demand from China and India.

There is also a regional office for MTC in London, said Syed Zainal. "We are currently looking at potential markets for the Malaysian timber industry given its strong middle class, increasing per capita income, and urbanisation and growth of other economic sectors. There will be growing demand for value-added downstream

# UK

# Corbyn menang lagi berjaya pertahan jawatan Pemimpin Parti Buruh

Parti Buruh Britain dikejutkan dengan satu lagi pemilihan untuk Pemimpin Parti dalam tempoh masa tidak sampai setahun. Oleh sebab cubaan kudeta dalaman yang bertujuan untuk menjatuhkan kepimpinan Jeremy Corbyn, pemilihan untuk Pemimpin Parti Buruh telah berlangsung pada 22 Ogos hingga 24 September yang lalu. Namun, percubaan kudeta dalaman oleh puak berhaluan kanan dalam Parti Buruh itu gagal sepenuhnya apabila Corbyn berjaya mempertahankan jawatan Pemimpin Parti dengan kemenangan yang lebih besar berbanding tahun lalu.

Seramai 506,438 orang telah membuang undi dalam pemilihan Pemimpin Parti Buruh UK kali ini, dengan peratusan mengundi mencecah 77.6%. Jumlah dan peratusan mengundi ini lebih tinggi daripada pemilihan Pemimpin Parti pada tahun yang lepas. Corbyn yang mempertahankan jawatannya telah meraih sebanyak 313,209 undi, bersamaan dengan peratusan perolehan undian 61.8%. Satu-satunya pencabar Corbyn dalam pemilihan kali ini, Owen Smith, hanya memperoleh 193,229 undi, dengan peratusan undian 38.2%.

Pencetus pemilihan Pemimpin Parti Buruh UK kali ini adalah kekalahan undi kekal dalam Kesatuan Eropah semasa referendum bulan Jun yang lalu. Puak berhaluan kanan dalam Parti Buruh telah menuding jari terhadap Corbyn dengan tuduhan bahawa Corbyn gagal sebagai pemimpin. Sebenarnya, sejak Corbyn menyandang jawatan Pemimpin Parti selepas kemenangannya dalam pemilihan parti pada September tahun lalu, puak berhaluan kanan dalam Parti Buruh telah cuba menimbulkan pelbagai masalah dan merancang untuk menggulingkan Corbyn. Tujuan mereka tidak mahu Corbyn terus memimpin Parti Buruh adalah keinginan mereka untuk menyelamatkan warisan politik Tony Blair yang berpegang pada fahaman "Jalan Ketiga" (iaitu pegangan politik pada luarannya berhaluan tengah, tetapi pada hakikatnya berhaluan kanan dan meneruskan dasar-dasar ekonomi yang neo-liberal).

Pada 28 Jun yang lalu, usul ketidakpercayaan terhadap Corbyn telah diluluskan di kalangan ahli-ahli parlimen Parti Buruh dengan undian 172 lawan 40. Ahli-ahli parlimen Parti Buruh yang tidak menyokong Corbyn dan puak berhaluan kanan menggunakan kesempatan itu untuk mendesak Corbyn supaya meletak

jawatannya sebagai Pemimpin Parti. Namun, Corbyn enggan tunduk pada tekanan puak berhaluan kanan kerana beliau dipilih secara terus oleh ahli dan penyokong parti. Oleh yang demikian, pemilihan semula Pemimpin Parti Buruh telah diadakan.

Walaupun puak berhaluan kanan dan jentera parti yang dikuasai oleh mereka cuba menggunakan pelbagai cara untuk mengurangkan undi yang menyokong Corbyn, jumlah undi yang diperoleh Corbyn dalam pemilihan kali ini, telah bertambah hampir 62,000 berbanding 251,417 undi yang diperoleh dalam pemilihan Pemimpin Parti tahun lalu. Peratusan undi yang diperolehnya juga bertambah berbanding 59.5% tahun lalu. Pemilihan Pemimpin Parti Buruh tahun lalu menyaksikan pertarungan empat penjuru sedangkan pemilihan tahun ini hanya adanya seorang calon yang dikemukakan oleh puak berhaluan kanan.

Jentera parti telah meningkatkan ambang pendaftaran penyokong parti daripada bayaran pendaftaran sebanyak £3 kepada £25. Ramai penyokong Corbyn telah dipotong nama dan kehilangan hak mengundi. Ada juga penyokong yang tidak dikirimkan undi kepada mereka. Sekurang-kurangnya 170,000 orang penyokong Corbyn dinafikan hak untuk mengundi dalam pemilihan Pemimpin Parti kali ini. Dengan usaha mengurangkan undi kepada Corbyn, tambahan pula dengan serangan bertubi-tubi dari segi propaganda oleh ahli-ahli parlimen Parti Buruh yang anti-Corbyn dan juga media arus perdana yang mengikut rentak pemerintah, Corbyn masih mendapat undi yang lebih banyak.

Kemenangan besar Corbyn menunjukkan bahawa Parti Buruh UK bukan lagi Parti Buruh zaman Tony Blair. Sekurang-kurangnya akar umbi Parti Buruh telah berubah dengan peralihan ke haluan kiri semakin jelas. Nampaknya puak berhaluan kanan yang menguasai kerusi ahli parlimen dan jentera parti semakin hari semakin berpisah daripada massa.

Corbyn bukan sahaja menang dalam undi secara keseluruhan, beliau juga berjaya mendapat lebih separuh undi dalam 3 kategori undi yang berbeza. Terdapat 3 kategori pengundi yang mengundi dalam pemilihan Parti

Corbyn menang lagi berjaya pertahan jawatan Pemimpin Parti Buruh



Buruh, iaitu ahli parti, penyokong berdaftar dan penyokong bersekutu. Dalam kategori ahli parti, Corbyn mendapat sebanyak 168,216 undi (bersamaan 59% undian), bertambah sebanyak 46,000 undi berbanding pemilihan tahun lepas. Dalam pemilihan Pemimpin Parti pada tahun lalu, Corbyn hanya mendapat sebanyak 49.6% undi dalam kategori ahli parti, dan ini telah dijadikan alasan oleh puak berhaluan kanan untuk mengatakan bahawa Corbyn tidak mendapat sokongan majoriti ahli parti. Namun, selepas setahun, Corbyn membala serangan puak berhaluan kanan dengan undi ahli parti yang lebih banyak. Selepas Corbyn menjadi Pemimpin Parti pada tahun lepas, semakin ramai orang menyertai Parti Buruh dan ini telah mengubah struktur keahlian dalam Parti Buruh.

Dalam kategori penyokong berdaftar, Corbyn mendapat 84,918 undi (70%), berkurangan berbanding 83.8% yang diperoleh tahun lalu. Pengurangan undi dan peratusan undian dalam kategori ini adalah berkaitan dengan peningkatan bayaran pendaftaran penyokong dan "pembersihan" senarai penyokong yang mengeluarkan ramai penyokong Corbyn. Sementara itu, dalam kategori penyokong bersekutu, iaitu anggota-anggota kesatuan sekerja yang bersekutu dengan Parti Buruh, Corbyn mendapat 60,075 undi (60%), sedikit lebih tinggi berbanding tahun lepas, iaitu 57.5%, menunjukkan bahawa sokongan di kalangan anggota kesatuan untuk Corbyn masih tinggi.

Selepas Corbyn berjaya mempertahankan jawatannya, beliau menyeru supaya Parti Buruh mengekalkan perpaduannya, demi melawan dan menewaskan kerajaan

Parti Konservatif pimpinan Theresa May. Theresa May telah menggantikan David Cameron sebagai Pemimpin Parti Konservatif dan Perdana Menteri, dengan mandat daripada referendum Kesatuan Eropah pada bulan Jun yang lalu, untuk merunding syarat-syarat UK keluar daripada Kesatuan Eropah. Proses keluar daripada Kesatuan Eropah yang diterajui oleh Parti Konservatif semestinya akan mengorbankan kepentingan golongan pekerja dan rakyat bawah. Negara UK yang keluar daripada Kesatuan Eropah tetapi masih di bawah

pemerintahan elit yang mengagung-agungkan fahaman neo-liberal, pastinya akan melaksanakan dasar-dasar ekonomi pasaran bebas yang menjaga golongan kapitalis besar demi memastikan modal terus kekal dalam UK. Rakyat akan dikorbankan untuk menyelamatkan kepentingan kelas kapitalis UK. Corbyn bertekad untuk menentang kerajaan konservatif yang bakal merundingkan syarat-syarat yang menggadaikan kepentingan rakyat biasa dan menawarkan alternatif kiri dalam senario UK keluar daripada Kesatuan Eropah.

Puak berhaluan kanan dalam Parti Buruh tidak akan mengaku kalah dengan mudah, kerana apa yang dibawa oleh Corbyn memang sedang mencabar kepentingan golongan pemerintah termasuklah puak berhaluan kanan dalam Parti Buruh. Boleh dijangkakan bahawa mereka akan menggunakan cara-cara lain untuk menyerang Corbyn. Lebih-lebih lagi, memang jelas majoriti ahli parlimen Parti Buruh tidak menyokong Corbyn, dan ini memang merupakan satu halangan yang besar. Walau bagaimanapun, Corbyn yang mendapat mandat baru dengan sokongan lebih besar telah menunjukkan kebolehannya dalam mengemukakan hujah-hujah yang mematahkan agenda neo-liberal Parti Konservatif dalam parlimen.

Parti Buruh yang mengalami perubahan dasar semasa pimpinan Tony Blair, tidak menawarkan apa-apa alternatif kepada rakyat UK. Sebagai golongan kiri dalam Parti Buruh yang berpegang pada politik radikal, Corbyn membawa agenda alternatif kiri yang jelas, seperti pemilikan negaraan perkhidmatan awam, mempertahankan sistem Perkhidmatan Kesihatan Nasional (NHS), pemansuhan yuran universiti, membantah perang, menolak pembangunan senjata nuklear, pelaksanaan kawalan sewa rumah, kenaikan cukai ke atas golongan terkaya dan sebagainya.

Parti Buruh yang dipimpin oleh Corbyn telah berjaya menggabungkan akar umbi yang inginkan perubahan dan membentuk kekuatan yang mampu mencabar golongan berkuasa. Ini memberikan inspirasi dan rangsangan baru kepada golongan kiri di UK dan Eropah. Namun, cabaran yang dihadapi Corbyn dan golongan kiri masih hebat. ##



# Kisah liku-liku hidup seorang ibu tunggal

oleh Veronica Retnam

Mariammah a/p Rathakrishnan yang berumur 65 tahun, merupakan seorang ibu tunggal yang lahir pada tahun 1950 dan tinggal di Semenyih. Saya berkenalan dengan beliau, apabila beliau hadir ke Pusat Khidmat Semenyih untuk berjumpa dengan Saudara Arul dan mengadu tentang majikan yang memberhentikannya daripada kerja sebagai 'cleaner' di Putrajaya tanpa membayar gajinya.

Dalam usia dah mencapai 65 tahun ini, kenapa beliau bersusah payah mahu bekerja? Persoalan ini terlantar dalam fikiran saya. Saudara Arul berjanji akan membawa Pn.

Mariammah ke tempat kerja dan mendapatkan gajinya. Pada masa itu, beliau juga memberitahu kepada Arul bahawa duit sewa biliknya belum bayar dan tiada duit dalam tangan untuk makan. Apabila Arul bertanya di mana anak-anaknya, beliau terus kata, "anak-anak saya satu pun tak boleh pakai". Saya hanya memerhatikan situasi ini dari meja sebelah Arul. Arul pun turut memberi RM100 kepadanya untuk perbelanjaan harian.

Pada 29 September 2015, Arul dan saya membawa Pn. Mariammah ke tempat kerjanya di Putrajaya, sebelah Pejabat Perdana Menteri, Unit Kawalan Utama. Pn. Mariammah

memberitahu di kaunter depan bahawa dia datang untuk mengambil gajinya dan mahu berjumpa dengan 'supervisor'. Pihak kaunter tanya kami yang temankannya pula siapa kami dan tidak membenarkan kami untuk masuk.

Beberapa pengawal di sana yang kenal dengan Pn. Mariammah, bertanya kenapa beliau tidak lagi bekerja di sana. Setelah beberapa sandiwara panggil



ke sini dan ke sana, akhirnya 'supervisor' keluar dan setuju membayar gajinya pada keesokan hari.

Semasa pulang dari Putrajaya ke Semenyih, saya menanya banyak soalan kepada Pn. Mariammah, kerana saya sedih dengan keadaannya yang hidup bersendirian dan susah. Saya mula bertanya mengenai cerita pahit manis kehidupan ibu tunggal ini.

## Ceritanya oleh Pn. Mariammah begini...

Saya mula bekerja semasa berumur 9 tahun (1959). Pada masa itu, saya tinggal di Ladang Air Panas di Jasin, Melaka. Saya bekerja di rumah kerani dalam ladang, membantu dalam kerja rumahnya. Gaji sebulan hanya RM 10. Saya tak pernah rasa duit gaji saya kerana setiap bulan ibubapa saya yang mengambil duit gaji saya terus daripada kerani.

Saya tidak kenal ibu saya. Hanya bapa saya dan ibu tiri. Saya ada 4 orang adik-beradik yang dilahirkan oleh ibu tiri saya. Mereka pergi sekolah, manakala saya ditinggalkan di rumah kerani ladang untuk bekerja. Selepas mendapat kad pengenalan pada umur 12 tahun, saya mula pergi buat 'kerja padang' seperti potong rumput, menabur baja dan sebagainya. Setiap hari pada pukul 6.30 pagi, saya pergi kerja dan balik pada pukul 2 petang dengan penuh lapar. Di rumah tidak akan ada makanan pula. Saya hanya ambil mangga dan buah cermai (*nelilikai*) dari pokok-pokok di ladang dan makan. Semua gaji diambil oleh ibu tiri dan bapa.

Adik-beradik saya tidak sayang pada saya kerana saya dilahirkan berlainan ibu dengan mereka. Saya bekerja di ladang sehingga umur 17 tahun. Pada masa itu, ada seorang cikgu di ladang mahu kahwin dengan saya, tetapi ibu tiri saya menolak lamaran tersebut dan kahwinkan saya dengan seorang lelaki dari Puchong yang berbeza umur 10 tahun dengan saya.

Selepas kahwin pun, kesusahan saya tidak berhenti. Ibu mertua saya tidak suka saya dan selalu pukul saya. Suami saya tidak mahu mengatakan apa-apa dengan ibunya kerana takut ia akan menyakit hatinya. Pada masa yang sama, dia juga kasihan pada keadaan saya.

Adanya salah satu insiden yang saya masih tidak boleh lupa. Semasa pergi ke satu majlis sambutan, saya tiada pakaian yang elok, jadi saya ambil dan pakai salah satu pakaian sari kepunyaan ibu mertua saya. Seolah-olah satu bom

telah letup di rumah setelah saya balik dari majlis. Saya diheret keluar dari rumah dan dipukul di depan rumah, ambil pasir letak atas kepala saya dan marah serta suruh saya pergi mati. Saya pernah sekali minum racun kerana tidak tahan dengan semua penderaan ini. Selepas itu, suami saya membawa saya keluar dari rumah ibunya.

Selepas saya lahirkan anak pertama, kehidupan saya menjadi neraka lagi. Suami saya mula menjadi hamba kepada arak. Selepas itu, suami tidak lagi pergi kerja. Saya pula mula pergi kerja. Saya bekerja di sebuah sekolah di Puchong sebagai pembersih sekolah. Kerja di sekolah akan habis pukul 2 petang. Sebelah petang saya buat kerja separuh masa di sebuah syarikat pembuat kayu, bermula dari pukul 6 petang hingga hingga 6 pagi. Begitulah kehidupan saya diteruskan. Dalam roda kehidupan, saya menjadi ibu kepada 4 anak.

Bagi menampung kehidupan sekeluarga, saya juga buat kerja membersihkan rumah cikgu-cikgu pada hari Sabtu dan Ahad. Suami saya sentiasa minta duit untuk minum arak. Jika saya enggan beri duit, dia akan pukul sehingga pakaian saya koyak. Drama ini akan sampai ke tengah jalan dan kita menjadi buah mulut jiran-jiran saya. Oleh kerana saya kerja di 2 tempat, kebanyakan masa saya tidak akan berada di rumah.

Suami saya pula mula mensyaki saya ada hubungan dengan lelaki lain dan menggunakan kata-kata kesat sehingga menuduh saya tidur dengan lelaki lain di hotel. Suami saya selalu buli saya apabila lelaki lain lalu-lalang depan rumah saya. Dia akan cakap, isteri saya ada di rumah, siapa mahu tidur dengan dia, boleh, mari masuk. Saya rasa sangat malu dengan cara layanan dia terhadap saya.

Ada lagi satu insiden yang saya tidak boleh lupakan. Saya kerja sebagai pembantu rumah di beberapa rumah cikgu. Suami saya telah mewujudkan

satu khabar angin bahawa saya mempunyai hubungan sulit dengan seorang cikgu lelaki yang saya kerja di rumahnya. Khabar angin ini merebak ke seluruh sekolah sehingga saya dipanggil oleh pihak pentadbir sekolah dan dimalukan hadapan orang lain. Setelah peristiwa itu, saya terpaksa berhenti kerja di sekolah itu dan keluar dari tempat tinggal tersebut. Pada masa itu, anak pertama saya sudahpun 15 tahun.

Saya kemudiannya berpindah ke Kampung Jawa, Klang, dengan 4 orang anak saya dan suami tidak mahu ikut saya. Tetapi dalam tempoh masa 4 tahun, suami saya meracuni minda anak kedua saya yang berumur 14 tahun dan memisahkan 3 orang anak daripada saya. Hanya anak sulung sahaja tinggal dengan saya.

Saya bekerja di sebuah kilang botol di Kampung Jawa pada awal 1980-an. Pada masa itu, saya ada main "kuthu" bersama rakan-rakan kerja lain, jumlahnya RM1000. Suami saya sudah dapat tahu perkara ini dan dia selalu menghalang saya di jalan dan minta saya beri duit "kuthu" itu. Pada satu hari, apabila dia minta duit dan saya enggan beri, dia ambil satu botol kosong dan pecahkan botol itu dan mengancam untuk tikam bunuh saya. Saya pun terus beri duit dan larikan diri. Suami saya juga pernah cuba membunuh saya dengan lori. Anak kedua saya juga cuba bunuh saya. Saya pernah laporkan insiden ini di balai polis. Polis tangkap suami saya dan anak sulung saya yang membantu keluarkan dia dari lokap dengan mengatakan saya orang kurang siuman dan tarik balik laporan polis saya.

Selepas itu, lama-kelamaan hubungan saya dengan anak-anak menjadi pulih. Semua anak-anak saya sudah besar. Anak kedua saya minta pinjam duit untuk beli lori. Saya memberi wang sebanyak RM 38,000 dari simpanan KWSP saya. Dia kata akan pulangkan duit itu. Tetapi selepas 2 bulan, apabila saya tanya

tentang duit, saya dihalau keluar oleh anak sendiri.

Selepas itu, saya pergi ke rumah anak sulung saya. Di sana pula, saya terlibat dengan satu isu perjuangan tanah. Di Kampung Timah di Puchong, wujudnya penipuan tanah dan penduduk mengalami pengusiran paksa dari tanah tersebut. Majoriti menerima tawaran pejabat tanah untuk tinggalkan tanah itu dan hanya 21 buah keluarga termasuk keluarga anak sulung saya mahu mempertahankan haknya. Antara 21 keluarga, saya salah seorang yang berani datang depan cakap lantang sehingga pihak pejabat tanah sendiri pun takut pada saya. Setelah beberapa perundingan, 21 keluarga mendapat pemilikan lot tanah itu. Anak sulung saya pun mendapat bahagian dia.

Setelah beberapa tahun, isteri anak sulung saya tidak suka saya dan selalu marah dengan anak sulung saya serta mahu balik ke rumah emaknya. Saya berasa sangat tidak senang tinggal sana lagi. Sementara itu, anak kedua pula, isterinya mengugut akan minum racun jika saya tinggal di rumah mereka. Anak perempuan saya pula mahu bawa saya tinggal bersamanya. Tetapi, suami dia seorang kaki botol dan dia tidak mahu saya tinggal di rumahnya. Anak perempuan saya pun sedih dan saya pun tidak mahu rumahtangganya berpecah kerana saya, maka saya membuat keputusan untuk tinggal berseorangan dan menyewa satu bilik di Semenyih.

Sekarang lebih 10 tahun saya tinggal di bilik sewa di salah satu flat di Semenyih. Sewa bilik RM 150 sebulan. Saya sedang berdikari sendiri selama ini dengan membuat kerja "cleaner". Saya selama ini tidak pernah memohon kebajikan untuk menyara hidup saya. Saya bekerja untuk makan dan menjalankan kehidupan.

Sekarang dengan bantuan saudara Arul, duit gaji saya yang ditipu oleh majikan akan dapat balik dan selepas ini saya perlu cari kerja di tempat lain. ##



**Minda Kiri**

Pengumpulan modal atau **akumulasi modal** adalah proses permodalan nilai surplus, iaitu proses menukar nilai surplus kepada modal.

Pengeluaran kapitalis bukan sahaja pengeluaran yang bermotifkan keuntungan, tetapi juga untuk pengumpulan modal. Logik kapitalisme menetapkan bahawa kebanyakan nilai surplus perlu dikumpulkan (untuk ditukarkan kepada modal tambahan, membeli mesin baru, bahan mentah dan mengupah lebih pekerja), dan bukannya digunakan tanpa pengeluaran (digunakan secara bersendirian oleh golongan kapitalis).

Kapitalis menggunakan sebahagian daripada nilai surplus yang diperlukan daripada pekerja upahan untuk kegunaan sendiri (untuk menyara hidupnya yang mewah, menyara kehidupan keluarganya, mengupah orang suruhan untuk menjaganya dan membayar pengawal peribadi), tetapi sebahagian besar nilai surplus dilaburkan semula sebagai modal, untuk membeli cara pengeluaran dan tenaga buruh untuk memperluaskan skala pengeluaran. Oleh itu, pengumpulan modal adalah syarat untuk perluasan pengeluaran semula sistem kapitalis.

Kapitalis menggunakan modal (dalam bentuk matawang) untuk membeli komoditi (bahan mentah, peralatan, mesin, tenaga kerja), komoditi yang dibeli itu dijadikan bentuk modal dalam proses pengeluaran. Proses pengeluaran itu menghasilkan modal yang berbentuk baru, iaitu komoditi baru yang dihasilkan melalui penggunaan tenaga kerja ke atas peralatan dan bahan mentah. Buruh mencipta nilai yang baru. Komoditi baru yang dihasilkan itu dijual untuk mendapatkan matawang yang lebih banyak daripada matawang yang dilaburkan sebelum itu. Proses yang berulangan sebegini adalah pengumpulan modal.

modal matawang --> modal komoditi (bahan mentah, peralatan dan tenaga buruh) --> modal pengeluaran --> modal komoditi (barang pengeluaran) --> modal matawang (yang ditambah nilai)

Dalam sistem kapitalis, kapitalis perlu melakukan "pengumpulan" modal secara berterusan.



**Modal Komoditi**  
(bahan mentah, peralatan,  
tenaga buruh)

**Modal Matawang**



**Modal Pengeluaran**



**Modal Matawang**  
(yang ditambah nilai)



**Modal Komoditi**  
(barang yang dikeluarkan)

# Pengumpulan modal

**"Akumulasi!  
Akumulasi! Inilah Musa  
dan nabi-nabi."**  
(Karl Marx, *Das Kapital*, Jilid I)

Keperluan untuk mengumpul modal tidak ditentukan oleh kegemaran atau kepercayaan agama secara subjektif kapitalis individu itu, tetapi ditentukan oleh sifat semulajadi modal.

Pengumpulan bukan sahaja sejenis hubungan antara pengeluaran dengan nilai surplus yang bertukar menjadi modal. Pengumpulan juga merupakan sejenis hubungan pengeluaran semula.

Pengumpulan modal adalah **pengeluaran semula hubungan sosial kapitalis** pada skala yang lebih besar dari semasa ke semasa, iaitu **pertambahan dalam saiz golongan pekerja dan pemusatan kekayaan yang dimiliki oleh golongan kapitalis**.

Dalam proses pengeluaran kapitalis, pengumpulan modal merupakan sumber kepada perluasan pengeluaran semula kapitalis, manakala nilai surplus adalah sumber kepada pengumpulan modal.

Skala pengumpulan modal berkadar langsung dengan kuantiti nilai surplus. Apabila nilai surplus yang diambil oleh kapitalis itu lebih banyak, maka skala pengumpulan modal akan bertambah besar. Sementara itu, apabila skala pengumpulan modal itu semakin besar, kapitalis akan mendapat semakin banyak nilai surplus.

Pengumpulan modal adalah trend perkembangan kapitalisme yang tidak dapat dielakkan.

Motif dan matlamat pengeluaran kapitalis adalah mengejar nilai surplus. **Hukum nilai surplus** sebagai hukum asas ekonomi kapitalis, menentukan bahawa kapitalis perlu melakukan pengumpulan modal untuk mengejar lebih nilai surplus, maka ini adalah pendorong dalaman untuk pengumpulan modal.

Pengumpulan modal juga ditentukan oleh **hukum persaingan**, iaitu siapa yang menjadi pemenang dalam persaingan akan dapat memperluaskan skala pengeluaran dan menambahkan pelaburan. Persaingan memaksa setiap kapitalis perlu bertungkus-lumus untuk menjalankan pengumpulan modal, maka ini adalah tekanan luar untuk pengumpulan modal.

Pembentukan sistem ekonomi kapitalis perlunya dua syarat:

- i. Adanya jumlah besar tenaga buruh yang bebas tetapi kehilangan cara pengeluaran dan tidak mencukupi untuk menyara hidup;
- ii. Segelintir kecil orang mengumpul kekayaan wang yang banyak untuk pembangunan pengeluaran kapitalis.

Proses untuk mewujudkan kedua-dua syarat ini adalah proses **pengumpulan primitif untuk modal**.

Pengumpulan primitif

adalah proses sejarah di mana pengeluaran yang secara langsung (iaitu tenaga buruh) dipisahkan daripada cara-cara pengeluaran, untuk membolehkan kekayaan wang ditumpukan secara cepat dalam tangan segelintir kecil orang. Proses ini berlaku pada peringkat sejarah di mana modal pengeluaran kapitalis belum lagi terbentuk sepenuhnya.

Cara untuk menjalankan pengumpulan primitif adalah melalui perompakan secara ganas. Sumber untuk pengumpulan modal adalah pemangsaan ke atas pengeluar kecil dan petani, penjajahan ke atas negara yang tidak membangun lagi, perampasan ke atas sumber asli tanah jajahan, perdagangan hamba dan sebagainya.

Inilah yang dimaksudkan oleh Karl Marx dalam tulisannya *Das Kapital* Jilid I,

**"Modal datang ke dunia ini dengan darah dan kotoran yang menitis dari setiap liang bulu, dari kepala hingga ke kaki."**

**"Keganasan adalah bidan dalam setiap masyarakat lama yang menghamilkkan masyarakat baru. Keganasan itu sendiri adalah kuasa ekonomi."**

Semua negara kapitalis yang "maju" boleh menjadi begitu "maju" pada hari ini, adalah bermula daripada pengumpulan primitif yang penuh kejam dan ganas.

Pengumpulan modal adalah berbeza daripada pengumpulan primitif. Cara pengumpulan primitif adalah melalui rampasan secara ganas, manakala cara pengumpulan modal adalah melalui pemerasan (secara halus atau ganas atau kedua-duanya sekali).

Pengumpulan modal adalah proses mengumpulkan dan memusatkan kekayaan masyarakat dengan memeras pekerja yang menghasilkan nilai surplus.

Skala pengumpulan modal ditentukan oleh faktor-faktor yang menentukan kuantiti nilai surplus. Faktor-faktor ini termasuklah:

- Kadar nilai surplus: Semakin tingginya kadar nilai surplus, nilai surplus yang boleh didapat daripada modal bolehubah yang sama kuantiti akan menjadi lebih banyak, maka skala pengumpulan modal akan menjadi semakin besar.
- Tahap produktiviti buruh sosial: Peningkatan dalam produktiviti buruh, akan mengurangkan harga unit komoditi sehingga mengurangkan nilai tenaga buruh. Ini akan meningkatkan kadar nilai surplus, dan mempercepatkan pengumpulan modal. Penurunan harga komoditi juga akan menyebabkan modal bolehubah yang sama kuantiti boleh menggerakkan lebih tenaga buruh. Ini membolehkan modal bolehubah yang sama kuantiti dapat memproses lebih cara-cara pengeluaran, sehingga menghasilkan lebih banyak nilai surplus yang menambahkan pengumpulan modal.
- Perbezaan antara modal yang digunakan sepenuhnya dalam



pengeluaran dengan modal yang dihabiskan secara beransur-ansur dalam barang baru.

- Peningkatan dalam modal yang dibayar terlebih dahulu: Dalam keadaan di mana nisbah antara modal tetap dengan modal bolehubah dan kadar nilai surplus yang sudah ditetapkan, lebih banyak modal yang dibayar terlebih dahulu oleh kapitalis, lebih ramai pekerja diperas, maka nilai surplus yang diperoleh juga lebih banyak, dan pengumpulan modal akan bertambah.

Dalam proses pengumpulan modal, jumlah modal untuk seseorang kapitalis itu bertambah melalui pengumpulan, penumpuan dan pemusatkan modal. Ini menyebabkan kekayaan masyarakat ditumpukan dalam tangan segelintir kecil kapitalis. Sementara itu, berikutnya perkembangan pengumpulan modal, kapitalis perlu menambahbaikkan teknologi untuk meningkatkan produktiviti buruh, menyebabkan peningkatan dalam komposisi organik modal.

Proses peningkatan komposisi organik modal juga merupakan proses pembentukan "tentera simpanan industri" (iaitu pekerja yang kehilangan kerja dan menganggur), dan pemiskinan kelas proletariat yang mencipta kekayaan masyarakat. Ini disebabkan kapitalis melaburkan lebih dalam modal tetap, iaitu modal kewangan digunakan untuk membeli mesin baru dan meningkatkan produktiviti buruh, bermakna keperluan untuk tenaga buruh semakin berkurang, tetapi pada masa yang sama lebih ramai lagi petani, tukang kraf danbourjuasi kecil yang bankrap (akibat peningkatan dalam teknologi pengeluaran) menjadi gologan proletariat, mengakibatkan wujudnya lebih tenaga buruh, maka lebih pekerja akan menganggur dan menjadi lebih miskin.

Analisa Marx terhadap komposisi organik modal dalam pengumpulan modal telah mendedahkan bahawa – apabila modal yang melaksanakan fungsinya semakin besar, jumlah pengangguran akan meningkat, sehingga rakyat miskin yang memerlukan bantuan turut bertambah ramai. Hukum pengumpulan modal ini telah menyebabkan polarisasi dalam masyarakat kapitalis – pengumpulan modal untuk golongan kapitalis bermakna juga pertambahan kemiskinan untuk golongan pekerja.

Pengumpulan dan pemusatkan modal merupakan asas kepada pembangunan ekonomi dan sosial yang tidak seimbang. Proses pengumpulan modal bukan semata-mata satu proses ekonomi, tetapi melibatkan penjajahan, imperialism dan perubahan dalam peranan negara. ##

# Berani berjuang, berani menang

"Berani berjuang! Berani menang!" Begitulah laungan yang menggegarkan Ipoh pada 2 Oktober yang lalu, apabila pejuang-pejuang masyarakat akar umbi berhimpun untuk meraihkan kuasa rakyat dalam "Himpunan Seribu Pejuang".

Himpunan Seribu Pejuang merupakan satu inisiatif yang diambil untuk menghimpunkan semua kawasan akar umbi yang menang dalam perjuangan dan masih berjuang. Ini merupakan satu pengalaman baru yang membawa bersama pejuang akar umbi dari kawasan berlainan yang pernah berjuang sejak tahun 1980-an hingga sekarang.

"Majlis hari ini tidak mempunyai tetamu khas, kerana anda semua sebagai pejuang akar umbi adalah tetamu khas untuk hari ini," begitu katanya Arutchelvan, AJK Pusat PSM yang juga merupakan pengasas Pusat Pembangunan Masyarakat (CDC).

Kebanyakan wakil kawasan yang hadir dalam majlis yang meriah ini adalah dari kawasan perjuangan yang diorganisasi dengan sokongan daripada CDC, Alaigal, Suara Warga Pertiwi (SWP) dan Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT). CDC, Alaigal dan SWP merupakan 3 organisasi perjuangan masyarakat akar umbi

yang menjadi tunjang kepada penubuhan PSM pada tahun 1998.

Dalam program yang berlangsung selama 4 jam ini, wakil-wakil daripada pekerja ladang, peneroka bandar, pekerja kilang, orang asal, pemandu lori, pemandu van kilang dan sebagainya telah menyampaikan ucapan secara bergilir-gilir. Mereka telah menunjukkan semangat berjuang yang tinggi dalam ucapan mereka, dan menyakinkan bahawa hanya kuasa rakyat dari bawah mampu mempertahankan hak rakyat dan membawa perubahan sebenar.

Program juga diselang-selikar dengan persembahan lagu, video dan

drama oleh wakil-wakil kawasan yang berlainan. Satu pameran tentang kisah perjuangan akar umbi juga diadakan di luar dewan makan.

Acara berakhir dengan penyampaian cenderahati kepada semua pejuang akar umbi yang hadir. PSM memberikan penghormatan yang tertinggi kepada semua pejuang ini. Memang bukan senang untuk menjayakan perjuangan akar umbi. Tanpa pejuang-pejuang dari kawasan akar umbi yang gigih dan berani ini, tidak mungkin akan mencapai kejayaan dalam perjuangan. Semoga semangat perjuangan akan terus berkobar dan menjadi iktibar untuk kita semua maju ke depan. ##



## Sosialisme 2016

**KELUAR KAPITALISME**

**BINA KIRI**

- Berputus daripada globalisasi neoliberal
- Alternatif kiri dalam pilihanraya
- Terlambat dalam selesaikan krisis iklim?
- Lawan seksisme dan homofobia
- Tangani fundamentalisme agama & terrorisme
- Gelombang gerakan kiri yang baru?
- Bina semula kiri untuk Sosialisme di Abad ke-21

**25-27 Nov 2016**

**Dewan Perhimpunan Cina KL & Selangor**  
1, Jalan Maharajalela, Kuala Lumpur (near Maharajalela monorail station)

**DAFTAR SEKARANG**  
012-3902544

Yuran pendaftaran RM 30  
[pusat@partisosialis.org](mailto:pusat@partisosialis.org)

anjuran oleh  
Parti Sosialis Malaysia



**Sudut Komik**

**Ada apa dengan Bajet 2017?**

